

BAB

PERTAMA

BAB PERTAMA

SISTEM JUAL-BELI ISLAM SEBAGAI LANDASAN URUSNIAGA SAHAM

Pendahuluan.

Penulis memulakan disertasi ini dengan mengemukakan perbicaraan mengenai konsep asas jual-beli menurut Islam. Konsep asas ini amat penting untuk difahami dan dikaji dengan mendalam kerana bertolak daripada kefahaman ini barulah suatu penilaian yang sempurna terhadap urusniaga saham yang berlaku di BSKL pada hari ini akan dapat dibincangkan menurut kacamata Islam. Kefahaman secara umum dan samar hanya akan menghasilkan keputusan yang tidak tepat dan berkemungkinan lebih banyak yang salah daripada yang betul.

Penulis akan membicarakannya seawal pengertian jual-beli menurut bahasa dan istilah yang digunakan oleh para *fugaha'*, kemudian barulah menjangkau kepada rukun-rukun serta syarat-syarat jual-beli yang dibicarkan oleh para ulama' sejak zaman-berzaman sehingga ke hari ini.

Persoalan *qabd* dan pemilikan yang merupakan antara sub-topik yang penting dalam disertasi ini juga diselitkan di penghujung bab pertama ini. Persoalan *gharar* pula akan ditulis secara terperinci di dalam bab yang khusus iaitu bab yang kedua meskipun ia sebenarnya adalah pecahan daripada perbicaraan *al-maqūd 'alayh* yang menjadi di antara rukun utama jual-beli

tersebut. Ini memandangkan ia perlu dihuraikan dengan lebih mendalam yang bersesuaian dengan tumpuan kajian penulis dalam perkara tersebut.

1.0 Pengertian Jual-beli.

Pada asasnya, perkataan jual-beli diambil daripada perkataan *al-bay^f* iaitu kata nama terbitan (*maṣdar*) daripada perkataan *bā^ca – yabi^fu – bay^fan* yang membawa maksud menjual iaitu lawan bagi perkataan membeli (*al-shirā'*). Walau bagaimanapun dalam amalan orang-orang Arab perkataan *al-bay^f* digunakan juga bagi memberi maksud membeli³.

Dalam konteks ini, terdapat sebuah hadis yang menggunakan istilah *al-bay^f* yang menunjukkan penggunaan dua maksud yang bertentangan itu sekali gus iaitu sabda Rasulullah s.a.w.⁴

لَا يَبْيَعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ لَخِيمٍ

Para ulama' telah berbeza pendapat di dalam memahami penggunaan perkataan *al-bay^f* dalam hadis di atas. Abū ‘Ubayd mengatakan bahawa maksudnya ialah “janganlah seorang lelaki itu membeli di atas belian saudaranya”, iaitu apabila seseorang melihat satu transaksi jual-beli hendak dilakukan, lalu dia segera menawarkan diri untuk membeli barang berkenaan dengan harga yang lebih mahal. Inilah yang dimaksudkan oleh hadis tersebut di

³ Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram, *Lisān al-‘Arab*, 1968, t.t.p., Dār Bayrūt, jil. 7, m.s. 371; al-Zubaydī, al-Sayyid Muḥammad Murtadā, *Tāj al-‘Arūs*, 1306H, Jamaliyyah : al-Maṭba‘ah al-Khayriyyah, jil. 5, m.s. 384

⁴ Hadis diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī daripada Abū Hurayrah, lihat *Sahīh al-Bukhārī*, Istānbūl : al-Maktabah al-Islamiyyah, t.t., Kitāb al-Buyūf, bab 58, juz. 3, m.s. 24; lihat juga dalam al-Hāfiẓ Ibn Hajar, *Faith al-Bārī Syarh Sahīh al-Bukhārī*, jil. 5, m.s. 87; Muslim, lihat dalam al-Nawawī, *Sahīh Muslim Bi Sharh al-Nawawī*, jil. 4, m.s. 123; al-Tirmidhī meriwayatkannya dengan lafaz yang berbeza sedikit iaitu لا يَبْيَعُ بَعْضَكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ, *Sunan al-Tirmidhī* (1994), Bayrūt : Dār al-Fikr, juz. 3, m.s. 46, bab 57, no. 1296

mana larangan itu ditujukan kepada pembeli dan bukannya kepada penjual, walau pun ia menggunakan lafaz *al-bay*⁶.

Berlainan dengan al-Azharī, beliau lebih cenderung mengatakan bahawa perkataan *al-bay*⁶ di dalam hadis berkenaan boleh digunakan untuk menunjukkan kedua-dua maksud tersebut, iaitu sama ada menjual di atas jualan orang lain atau membeli di atas belian orang lain. Kedua-duanya itu termasuk di dalam perkara yang dilarang oleh hadis berkenaan kerana ia menepati maksud dari segi bahasa dan juga dari segi *illah* hukum.

Penulis mendapati bahawa adalah lebih ringkas dan tepat apabila jual-beli itu dari segi bahasanya diertikan sebagai “pertukaran sesuatu dengan sesuatu” seperti yang disebutkan oleh Muḥammad al-Khatīb al-Sharbīnī⁵. Ini kerana ia memberi maksud yang umum malah penggunaannya menepati pula sama ada terhadap pembeli atau penjual justeru mereka saling bertukar barang sesama mereka.

Menurut kamus yang lebih moden pula, *al-bay*⁶ diertikan sebagai apabila seseorang itu melepaskan sesuatu barang miliknya dengan sesuatu pertukaran⁶. Manakala melihatkan kelaziman penggunaan kalimah *al-bay*⁶ maka ia telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dengan maksud yang khusus sahaja iaitu sebagai penjualan⁷.

⁵ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, Muḥammad ibn Aḥmad, *Mughnī al-Muhtaj Ilā Marifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, 1995, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil. 2, m.s. 3.

⁶ Ibrāhīm Anis, et. al., *al-Mu‘jam al-Wasīt*, t.t., t.t.p., juz. 1, m.s. 79

⁷ Al-Marbawi, Muhammed Idris Abd. al-Rauf, *Kamus Idris al-Marbawi*, cet. pertama, 1990, Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, m.s. 72

Berlainan pula dengan perkataan *al-shirā'* yang diberi erti sebagai mengambil sesuatu dengan bayaran harga⁸. Ia adalah kata nama terbitan daripada perkataan *sharā – yashri'* yang lebih sesuai diterjemahkan sebagai pembelian⁹. Kesimpulannya, *al-bay'* dari sudut muamalah secara ringkasnya bermaksud jual-beli¹⁰.

1.1 Pengertian Jual-Beli Menurut Istilah *Fuqaha'*

Terdapat pelbagai pengertian *al-bay'* yang diberikan oleh para ulama' dan kesemuanya telah menggambarkan maksud yang sama sahaja walaupun terdapat sedikit kelainan pada lafaz yang digunakan. Al-Kāsānī, ulama'daripada mazhab Ḥanafī mengatakan bahawa jual-beli itu ialah pertukaran sesuatu yang diingini dengan sesuatu yang diingini¹¹.

Imām al-Qurṭubī daripada ulama' Mālikī memberikan definisi yang ringkas sahaja, menurut beliau jual-beli itu ialah ‘memberi sesuatu dan mengambil gantinya’¹². Berlainan dengan al-Khatīb al-Sharbīnī, seorang ulama' mazhab Shāfi'i yang mengatakan bahawa jual-beli itu ialah ‘pertukaran sesuatu harta dengan sesuatu harta mengikut cara yang tertentu’¹³. Begitu juga dengan Ibn Qudāmah daripada mazhab Hanbalī yang mengatakan jual-beli ialah ‘pertukaran

⁸ Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-Ulūm, *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-‘Asāsi*, t.t., t.tp., Lārūs, m.s. 685

⁹ Al-Marbawi, *op. cit.*, m.s. 320

¹⁰ Md. Akhir Hj. Yaacob, *Penjelasan Istilah Fiqh Muamalat*, 1987, cet. pertama, Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, m.s. 5

¹¹ Al-Kāsānī, *Bādā i‘ al-Šanā i‘ Fi Tartīb al-Sharā i‘*, 1986, cet. kedua, Bayrūt : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, jil. 5, m.s. 133

¹² Al-Qurtubī, Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, *al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur‘ān*, 1993, t.tp. : Dār al-Fikr, jil. 3, m.s. 231

¹³ Al-Khatīb al-Sharbīnī, Muhammad ibn Ahmad, *al-Iqnā‘ Fi Hall Alfāz Abī Shujā‘*, 1994, cet. pertama, Bayrūt : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah jil. 2, m.s. 4

sesuatu harta dengan sesuatu harta dengan cara mendapatkan milik dan memberi milik¹⁴. Definisi yang berikan oleh dua orang ulama' ini agak panjang tetapi ia lebih sempurna (*jāmi' māni'*).

Imām Ja'far al-Ṣādiq, seorang ulama' mazhab Shī'ah pula mempunyai pendapat yang agak sama dengan ulama' Sunni di mana beliau mengatakan bahawa jual-beli itu ialah 'pertukaran sesuatu harta dengan sesuatu harta'¹⁵.

Sebagai perbandingan, penulis mengemukakan juga disini dua istilah barat yang memberikan maksud yang sama dengan jual beli iaitu *business* dan *trade*. *Business* bermaksud perdagangan atau pertukaran komersial¹⁶, sementara *trade* pula ialah pertukaran barang dengan barang atau pertukaran barang dengan perkhidmatan¹⁷.

Sepantas lalu pengertian-pengertian jual-beli yang dikemukakan tersebut menampakkan sedikit perbezaan antara satu sama lain, namun setelah menelitiinya dengan mendalam, penulis berpendapat bahawa perbezaan itu hanyalah pada bahasa sahaja kerana maksud yang terkandung di dalam pengertian-pengertian itu adalah sama sahaja.

Mengikut takrifan yang dikemukakan oleh ulma'-ulama' di atas juga, perniagaan yang menggunakan sistem barter iaitu sesuatu barang ditukar dengan

¹⁴ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī Wa al-Sharb al-Kabīr*, 1972, cet. terbaru, Bayrūt : Dār al-Kitāb al-‘Arabi, jil. 4, m.s. 2

¹⁵ Muhammad Jawwād Maghāniyyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Ṣādiq*, 1984, Bayrūt : Dār al-Jawwād, cet. ke 5, jil. 3, m.s. 22

¹⁶ *The Oxford English Dictionary* (1989), 2nd Edition, Oxford : Clarendon Press, Vol.2, m.s. 696

¹⁷ *The Encyclopedia Americana* (1993), International Edition, Danbury : Grolier Incorporated, Vol. 26, m.s. 910

sesuatu barang yang lain tanpa menggunakan wang sebagai bahan pertukaran juga dikira termasuk dalam kategori jual-beli.

Menyentuh persoalan keuntungan, semua perniagaan pada asasnya mempunyai matlamat yang sama iaitu ingin mendapatkan keuntungan hasil daripada perbezaan harga beli dengan harga jual barang berkenaan. Namun dalam usaha untuk mendapatkan keuntungan itu, Islam menggariskan beberapa peraturan agar sebarang aktiviti negatif seperti penipuan, penindasan dan sebagainya tidak dilakukan. Ekonomi Islam lebih mementingkan syariat dan akhlaknya kerana asas ekonomi Islam dibina berlandaskan konsep *al-ta‘āwun* ‘alā *al-birr wa al-taqwā*. Pun begitu Islam tidak pernah sekali-kali menafikan hak peniaga untuk memperolehi keuntungan¹⁸ bahkan terdapat sebahagian ulama’ yang memasukkan unsur keuntungan di dalam definisi *al-bay‘* seperti pendapat yang dikemukakan oleh Ibn ‘Ābidin¹⁹ dan al-Alūsi²⁰.

1.2 Konsep-konsep Jual Beli

Berdasarkan perbincangan mengenai pengertian-pengertian jual-beli yang diberikan, penulis dapat membuat beberapa noktah penting mengenai konsep asas jual-beli menurut perspektif Islam, iaitu:-

¹⁸ Hamzaid B. Yahya, *Ekonomi (Bahagian Makroekonomi)*, 1990, cet. pertama, Kajang : KYS Enterprise, m.s. 34

¹⁹ Ibn ‘Ābidin, *Hāshiyah Radd al-Muhtār*, 1979, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil. 2, m.s. 29, kata pengarangnya - “perniagaan adalah kontrak pertukaran barang untuk sesuatu keuntungan”.

²⁰ Al-Alūsi, Shihāb al-Dīn Māhmūd, *Rūh al-Ma‘ānī Fī Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Aqīm Wa al-Sab‘ al-Mathānī*, t.t., Bayrūt : Dār Iḥyā’ al-Turāth, jil. 1, m.s. 16, - kata pengarangnya – “perniagaan itu ialah memperniagakan modal untuk mencari keuntungan.”

- a) Aktiviti jual-beli mestilah dilakukan oleh dua belah pihak, satu memberi dan satu menerima. Menurut konsep ini, ia boleh juga dilakukan oleh seorang individu yang bertindak mewakili kedua-dua belah pihak.
- b) Jual-beli mestilah mempunyai unsur timbal terima dua manfaat sama ada dapat memiliki sesuatu barang ataupun memberi milik sesuatu barang kepada orang lain.
- c) Perbezaan ketara antara jual-beli dalam Islam dengan Barat ialah terdapatnya unsur *hablun min Allāh* dan *hablun min al-nās* yang terselit di dalam syarat-syarat, adab-adab dan akhlak yang digariskan oleh Islam dalam proses jual-beli tersebut²¹.
- d) Membeli sesuatu barang tidak semestinya untuk memiliki barang tersebut secara berterusan tetapi boleh juga untuk dijual semula kemudiannya dengan tujuan untuk memperolehi sejumlah keuntungan daripada perbezaan harganya itu.

1.3 Sistem Jual-Beli Menurut Islam.

Aktiviti jual-beli tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia yang bermasyarakat kerana sifat manusia yang saling bergantungan sesama mereka untuk memenuhi keperluan hidup masing-masing. Berniaga bukan sahaja untuk memenuhi tuntutan duniawi tetapi ia juga merupakan suatu ibadah yang akan diberikan pahala apabila melakukannya. Secara umumnya sistem jual-beli menurut Islam itu dibina berpaksikan beberapa perkara iaitu rukun-rukun jual-beli

²¹ Mustafa Hj. Daud, *Perniagaan Menurut Islam*, 1994, cet. pertama, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., m.s. 3

beserta syarat-syarat bagi setiap rukun tersebut, syarat-syarat sah jual-beli serta adab-adab ketika proses sesuatu jual-beli itu dilakukan.

Menurut sebahagian ulama²², rukun ialah sebahagian daripada perkara yang dihukumkan (*al-mahkūm fīh*) seperti rukuk adalah rukun solat kerana ia adalah sebahagian daripada solat. Manakala syarat pula adalah sesuatu yang di luar daripada subjek yang dihukumkan itu seperti bersuci adalah syarat kepada solat dan bukannya rukun solat.

Terdapat sedikit perbezaan di antara rukun dan syarat di mana ulama' daripada mazhab Shāfi'i, Mālikī dan Ḥanbali bahkan majoriti ulama' telah sepakat mengatakan bahawa jika sesuatu rukun itu rosak, ia akan membawa kepada batalnya akad berkenaan²³. Berlainan pula jika sesuatu syarat yang rosak, ia hanya akan membawa kepada fasadnya akad tersebut menurut mazhab Ḥanafī. Sungguhpun begitu, menurut mereka kadang-kala terdapat sedikit kesan daripada akad yang *fasad* ini dan ia diiktiraf oleh syarak²⁴ contohnya dalam kes nasab keturunan, di mana si anak boleh dibinkan kepada si ayah jika anak tersebut diperolehi daripada nikah yang *fāsid* seperti nikah tanpa saksi. Ini adalah pendapat yang dikemukakan oleh mazhab Ḥanafī.

Namun di sisi jumhur ulama' *fasad* dan batal itu memberi kesan yang sama terhadap akad iaitu semuanya membawa kepada batal, tidak sah serta tiada

²² Ḩusayn, *Dirāsāt Fī Uṣūl al-Fiqh*, 1991, t.tm., t.pn., m.s. 50

²³ Karim Zaydān, *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*, 1987, cet. kedua, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah, m.s. 66

²⁴ Wahbah al-Zuḥaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 1996, Dimasyq : Dār al-Fikr, m.s. 106

sebarang kesan yang terhasil daripadanya²⁵ bahkan si pelakunya dikira berdosa pula²⁶.

1.4 Rukun Jual-Beli.

Jumhur ulama' iaitu ulama' mazhab Mālikī²⁷, Shāfi'i²⁸ dan Ḥanbalī²⁹ mengatakan bahawa rukun jual-beli itu mestilah terdiri daripada tiga perkara iaitu:-

- 1) *Al-sīghah* iaitu lafaz yang menunjukkan bahawa sesuatu akad itu dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Ia mestilah terdiri daripada ijab dan kabul sama ada ia dinyatakan melalui perkataan atau sebagainya.
- 2) *Al-‘aqid* iaitu orang yang berakad yang terdiri daripada pembeli dan penjual.
- 3) *Al-ma‘qūd ‘alayh* iaitu barang yang dipertukarkan sama ada terdiri daripada bayaran harga atau barang pertukaran.

Manakala mazhab Ḥanafī³⁰ mengatakan bahawa rukun jual-beli itu hanya ijab dan kabul atau sighah jual-beli itu sahaja. *Al-‘aqid* dan *al-ma‘qūd ‘alayh* pula menurut mereka adalah syarat-syarat jual-beli dan bukannya rukun.

²⁵ ^aAbd al-Karīm Zaydān, *op. cit.*, m.s. 66

²⁶ ^aAbd al-Fattāḥ Husayn, *op. cit.*, m.s. 51

²⁷ Al-Buhūtī, *Kashshāf al-Qinā’ ‘An Matn al-Iqdā*, 1982, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil. 3, m.s. 135

²⁸ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 3

²⁹ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 2

³⁰ Al-Kāsānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 133

1.5 Rukun Pertama : Ijab Dan Kabul

1.5.1 Pengertian Ijab Dan Kabul

Menurut mazhab H̄anafi³¹, ijab ialah apa sahaja ungkapan yang menunjukkan keredaan untuk melakukan akad daripada salah seorang ahli yang berakad sama ada penjual atau pembeli. Apa yang penting menurut mereka ialah ijab itu mestilah lafaz yang pertama atau yang mula-mula diungkapkan oleh *al-‘āqid*. Oleh itu ijab diertikan sebagai suatu tawaran untuk melakukan akad jual-beli.

Kabul pula ialah perbuatan daripada salah seorang daripada mereka yang menunjukkan persetujuan terhadap ijab tersebut di mana ia diungkapkan selepas atau terkemudian daripada ijab. Panduan mereka ialah lafaz yang lebih dahulu diungkapkan itu disebut ijab dan lafaz yang kemudiannya itu disebut kabul.

Berbeza dengan jumhur ulama' yang mengatakan bahawa ijab itu bermaksud memberi milik kepada seseorang seperti saya jual barang ini pada awak sekalipun ia diungkap kemudiannya . Jika ia bermaksud sebagai memperolehi milik maka ia digelar kabul sekalipun ia adalah yang pertama diungkap. Dengan erti kata lain, *sighah* ijab mestilah berpunca daripada penjual dan *sighah* kabul pula daripada pembeli³².

Sungguhpun begitu menurut pengamatan penulis, perselisihan tersebut adalah pada nama dan pengistilahan fiqh sahaja tetapi tidak memberi apa-apa kesan kepada akad sama ada menambah atau mengurangi sesuatu. Dalam hal ini

³¹ Ibn ‘Ābidīn, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 6

³² Zakariyya al-Anṣārī, *Sharḥ al-Minhāj*, jil. 2, m.s. 180; al-Buhūtī, *op.cit.*, jil. 2, m.s. 3

penulis menganggap pendapat mazhab Ḥanafi lebih sesuai kerana kedua-dua penjual dan pembeli itu saling memberi dan memiliki dua jenis barang yang dipertukarkan tersebut. Penjual memberi dan memiliki sesuatu dan begitu juga pembeli memberi dan memiliki sesuatu. Bahkan penggunaannya dilihat lebih tepat kerana meliputi urusniaga barter dan urusniaga yang melibatkan matawang. Sementara iu pendapat jumhur ulama' dilihat relevan dalam urusniaga yang menggunakan matawang sahaja di mana pembeli memberikan wang dan penjual memberikan barang tetapi dalam sistem barter istilah tersebut sukar ditentukan secara tepat. Oleh itu, dua istilah tersebut hanya boleh dibezakan dengan melihat manakah yang diungkap terlebih dahulu dan mana yang terkemudian.

1.5.2 Tujuan Diwajibkan *Ṣighah*

Tujuan utama *ṣighah* adalah untuk menunjukkan bukti keredaan daripada kedua belah pihak dalam melaksanakan sesuatu akad jual-beli. Ini sebagai menepati maksud kehendak Allah s.w.t. seperti yang ditunjukkan dalam firmanNya :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بِيَنْكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مُّنْكَرٌ

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta sesama kamu secara yang batil (haram) melainkan melalui perniagaan dengan keredaan sesama kamu"

Surah al-Nisā' (4):29

Setiap yang diwajibkan oleh Islam pasti mempunyai hikmahnya. Dr. Wahbah al-Zuhayli mengatakan bahawa *ṣighah* itu menunjukkan kasad atau

kehendak hati, keredaan dan kerelaan untuk menyempurnakan sesuatu akad³³. Ia bertujuan untuk mengelak sebarang kesamaran maksud, kekeliruan dan cubaan menipu atau memperdaya yang akhirnya akan membawa kepada perselisihan dan perbalahan.

Sighah pula adalah satu persetujuan dan ia boleh diumpamakan seperti satu perjanjian antara dua pihak yang berakad tersebut dan akan menjadi rujukan apabila berlaku apa-apa masalah kemudiannya. Ini bermaksud secara tidak langsung ia berfungsi untuk melindungi kedua-dua belah pihak daripada cuba ditipu atau dianaya oleh pihak yang lain.

1.5.3 Bentuk-bentuk *Sighah* Akad

Secara umumnya apa-apa sahaja yang menunjukkan persetujuan akad adalah menepati maksud *sighah* sama ada ungkapannya itu diterima mengikut adat kebiasaan orang ramai atau pada kefahaman bahasa keduanya³⁴. Namun secara khusus terdapat empat cara untuk menyatakan *sighah* iaitu:-

- 1) Melalui ucapan atau lafaz perkataan.
- 2) Melalui perbuatan unjuk dan beri.
- 3) Menggunakan isyarat-isyarat yang difahami bersama.
- 4) Atau menggunakan tulisan.

³³ Wahbah al-Zuḥaylī, *Uṣūl al-Fiqh*, jil. 4, m.s. 94

³⁴ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 5; al-Ramlī, Shihāb al-Dīn, Muḥammad ibn Aḥmad, *Nihāyat al-Muhtaj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, 1938, al-Qāhirah : Maktabah Muṣṭafā al-Halabī, jil.3, ms.375; al-Dardir, Abmad ibn Muḥammad, *al-Sharḥ al-Ṣaghīr Ḥāla Aqrab al-Mas' il Ilā Madhhab al-Imām Mālik*, t.t., sunt. Muṣṭafā Kamāl Waṣfi, Miṣr: Dār al-Ma'ārif, jil.3, ms.14

a. *Sīghah* Melalui Ucapan

Lafaz atau ucapan ialah kata-kata yang disebut³⁵. Lafaz merupakan bentuk *sīghah* yang terbaik, terkuat dan paling jelas dalam mengungkap dan menggambarkan sesuatu. Namun begitu tidaklah disyaratkan menggunakan lafaz-lafaz yang tertentu sahaja tetapi dikira sudah memadai jika istilah itu difahami oleh kedua orang yang berakad. Oleh itu, sesuatu bahasa yang dapat difahami oleh kedua belah pihak itu dianggap harus digunakan untuk melaksanakan akad selagi ia menunjukkan keredaan terhadap akad tersebut³⁶.

Pelbagai bentuk lafaz jual-beli digunakan oleh orang ramai tetapi ada di antaranya dianggap tidak sah digunakan untuk berakad seperti jika ia mengandungi maksud yang mengelirukan, samar dan tidak jelas maksudnya. Untuk menjelaskan ungkapan-ungkapan yang digunakan tersebut, lafaz-lafaz itu dibahagikan seperti berikut:-

- 1) Lafaz kata kerja yang merujuk kepada perkara yang telah lepas (*fē'l al-mādī*), contohnya, “aku telah membelinya”. Para ulama' telah sepakat³⁷ menyatakan bahawa lafaz *mādī* ini sah digunakan kerana ia mengandungi maksud yang meyakinkan dan secara pasti tanpa perlu ditilik kepada niat atau *qarīnahnya*.
- 2) Kata kerja yang merujuk kepada perkara yang sedang berlaku (*fē'l al-mudāri'*) contohnya ‘aku membelinya’. Para ulama' juga sepakat mengatakan bahawa

³⁵ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, 1993, cet. keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ms. 690

³⁶ Ibn Qudāmah, *op. cit.*; al-Ramīl, *op. cit.*

³⁷ Al-Kāṣānī, *op. cit.*; al-Dardir, *op. cit.*, jil.3, ms.14; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil.4, ms.4

lafaz ini sah digunakan jika ia bermaksud berlaku ketika itu juga sama ada dilihat pada niat mereka atau ada *qarinah* yang dapat menunjukkan pemakaianya untuk masa tersebut. Tetapi mestilah tiada penambahan ungkapan yang memberi maksud ‘akan’ atau ‘untuk masa depan’ di dalam lafaz akad tersebut seperti penambahan kalimah (م) atau (سوف) yang menunjukkan perbuatan atau tindakan untuk masa yang akan datang.

Syarat tersebut dinyatakan oleh ulama’ kerana *fē'l al-muḍāri'* pada asasnya mengandungi dua maksud iaitu berlaku ketika itu atau untuk masa akan datang. Oleh itu ia perlu difokuskan kepada satu maksud sahaja iaitu hanya pada masa akad itu dipersetujui untuk memberi kepastian terhadap kasad si pengakad³⁸.

- 3) Kata suruhan (*fē'l al-amr*), contohnya pembeli berkata, “jualkan barang ini kepada saya”. Dalam kes ini, terdapat khilaf di kalangan para ulama’ dalam menentukan hukumnya. Ulama’ mazhab Hanafi³⁹ mengatakan tidak sah jualbeli dengan cara ini kerana lafaz *al-amr* hanya menunjukkan suatu permintaan dan belum ada pernyataan persetujuan untuk membelinya. Oleh itu, untuk menjadikan akad itu sah, si penyuruh tersebut mestilah menyatakan sekali lagi satu lafaz yang menunjukkan persetujuannya selepas ungkapan suruhan itu tadi.

³⁸ Iaitu tanpa ungkapan ‘akan’ dan ia mestilah dengan niat – lihat dalam al-Kāṣāñī, *op. cit.*; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, ms. 15; al-Dardir, *op. cit.*, ms. 15

³⁹ Al-Kāṣāñī, *op. cit.*

A511137978

Berbeza pula dengan majoriti ulama⁴⁰ yang mengatakan bahawa sah akad jual-beli dengan menggunakan lafaz suruhan seperti ini dan tidak perlu satu persetujuan semula diungkapkan kemudiannya. Ini kerana yang penting ialah kenyataan reda daripada mereka untuk berjual-beli. Orang ramai pula sememangnya sedia maklum bahawa permintaan atau suruhan tersebut adalah menunjukkan kehendak atau keredaannya. Oleh itu ia telah memadai sebagai ijab atau kabul dalam akad malah pendapat ini dikira terkuat dan lebih tepat⁴¹.

- 4) Menggunakan ayat kata nama (*al-jumlah al-ismiyah*), contohnya pembeli berkata, “aku pembeli kamu bagi barang ini”. Dalam hal ini, para ulama’ juga berbeza pendapat⁴² di mana sebahagiannya mengatakan tidak sah menggunakan lafaz tersebut tetapi pendapat yang terkuat (*al-aṣaḥ*) mengatakan bahawa ianya sah digunakan kerana lafaz ini masih dikira jelas untuk menunjukkan akad jual-beli itu berlaku dan dapat dibezakan kedudukan seseorang iaitu sebagai pembeli dan penjual.
- 5) Kata kerja untuk masa hadapan (*al-mustaqbāl*), contohnya pembeli berkata, “aku akan beli barang ini”. Dalam hal ini, tiada khilaf di kalangan *fuqahā'* dalam menegaskan bahawa lafaz ini tidak sah digunakan kerana ia dikira hanyalah suatu janji untuk berakad dan bukannya akad walaupun jika pembeli berniat untuk melakukan akad tersebut pada masa itu⁴³.

⁴⁰ Ibn Qudāmah, *op. cit.*; al-Dardīr, *op. cit.*

⁴¹ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, m.s. 98-99

⁴² Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, cet. ketiga, 1989, Dimashq: Dār al-Fikr, jil. 4, ms.97

⁴³ *Ibid*; al-Kāṣānī, *op. cit.*

b. *Sīghah* Melalui Perbuatan Unjuk Dan Beri

Istilah perbuatan menurut Kamus Dewan ialah segala yang diperbuat, kerja dan tindakan⁴⁴. *Sīghah* bentuk ini kerap berlaku dalam masyarakat sama ada ia didahului dengan sedikit soal jawab di antara pembeli dengan penjual atau sama ada harganya diketahui melalui tulisan pada barang atau harganya memang telah diketahui umum dan sebagainya. Dengan cara ini, pembeli memberikan duit sebagai bayaran harganya dan penjual menyerahkan barang tersebut kepada pembeli berkenaan tanpa menyatakan apa-apa lafaz yang menunjukkan hendak membeli atau bersetuju menjual barang tersebut.

Jual-beli cara ini disebut *bay^c al-mu^cātāh* atau *al-ta^cāfi'* atau *al-murāwadah* iaitu setiap pihak hanya memberi dan menerima sahaja tanpa melafazkan apa-apa *sīghah* percakapan yang menjelaskan maksud ia memberi atau menerima barang tersebut tetapi difahami secara adat kebiasaannya bahawa ia adalah satu urusniaga jual-beli⁴⁵. Dengan erti kata lain akad itu dilakukan dengan cara pembeli mengunjuk barang yang ingin dibelinya kepada penjual lalu memberikan kepadanya sejumlah wang sebagai bayarannya.

i. Hukum *Bay^c Al-Mu^cātāh*

Para ulama' berselisih pendapat tentang hukum jual beli *bay^c al-mu^cātāh* iaitu satu cara urusniaga yang dilakukan melalui unjuk dan beri tanpa melafazkan sebarang *sīghah* akad untuk berjual-beli. Ulama'-ulama' daripada mazhab Shāfi'i sendiri

⁴⁴ Kamus Dewan, op. cit., ms. 163-164

⁴⁵ Md. Akhir Yaacob, op. cit., ms. 6

berbeza pendapat mengenainya⁴⁶ dan pendapat terkuat (*qawl al-ażhar*) di kalangan mereka mengatakan tidak sah kerana tiada bukti yang kuat yang dapat menunjukkan keredaan orang yang melakukan akad dengan cara tersebut. Perbuatan unjuk dan beri itu masih boleh diandaikan dengan pelbagai maksud yang lain daripada jual-beli. Pendapat ini dikongsi bersama oleh ulama'-ulama' daripada mazhab Shi'ah dan al-Zāhiri⁴⁷. Mereka dalam menetapkan hukum sedemikian tidak membezakan jenis-jenis barang yang terlibat dalam akad tersebut sama ada barang yang mahal atau murah di mana semuanya tidak sah dilakukan dengan cara yang sedemikian.

Namun Ibn Surayj dan al-Rūyānī dari kalangan *fuqahā'* mazhab Shāfi'i telah memperincikan jenis barang jualan dalam *bay' al-mu'āṭāh* tersebut di mana mereka mengatakan bahawa jika barang jualan itu terdiri daripada jenis yang murah maka hukumnya adalah tidak mengapa atau sah menggunakan kaedah jual-beli *al-mu'āṭāh* tersebut⁴⁸. Manakala Imam al-Nawawī, al-Baghawī dan al-Mutawallī yang juga dari kalangan ulama' mazhab Shāfi'i pula mempunyai pandangan yang agak berbeza dengan mengatakan bahawa cara tersebut adalah sah jika ia telah menjadi adat orang ramai di tempat itu, tidak kira sama ada barang tersebut daripada jenis yang mahal atau yang murah⁴⁹.

⁴⁶ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Muğhnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 5

⁴⁷ Ibn Hazm, *al-Muḥallā*, jil. 8, m.s. 404

⁴⁸ Al-Shirāzī, Abū Ishaq, *al-Muhadhdhab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i*, 1995, diedit oleh Shaykh Zakariyyā 'Umayrāt, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 1, m.s. 257; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *op. cit.*

⁴⁹ *Ibid*; al-Ramlī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 375

Begitu juga dengan ulama' mazhab Hanafi⁵⁰ dan sebahagian daripada ulama' mazhab Ḥanbalī⁵¹ di mana mereka mempunyai pandangan yang sama dengan al-Nawawi, al-Baghawi dan al-Mutawallī di atas. Mereka bersandarkan kepada alasan bahawa adat kebiasaan orang ramai itu telah memadai untuk menunjukkan keredaan kerana *sīghah* lafaz di dalam jual beli hanyalah sebagai salah satu tanda yang boleh menunjukkan keredaan tetapi bukanlah hanya ia sahaja satu-satunya cara yang ada. Tambahan pula tidak terdapat nas yang menerangkan dengan jelas bentuk sesuatu *sīghah* akad itu mesti dilakukan.

Namun ulama'-ulama' mazhab Mālikī⁵² dan sebahagian daripada ulama' mazhab Ḥanbalī⁵³ yang lain telah memberikan pandangan yang lebih longgar iaitu harus cara sedemikian tanpa mengendahkan sama ada cara tersebut telah menjadi kebiasaan orang ramai atau tidak. Apa yang penting bagi mereka ialah setiap perlakuan *sīghah* itu mestilah jelas menunjukkan tanda keredaan daripada penjual dan pembeli yang terbabit sahaja.

Kesimpulannya, kebanyakan ulama' mengharuskan jual-beli melalui kaedah unjuk dan beri ini walaupun tanpa lafaz ijab dan kabul. Ini kerana mengikut kebiasaannya, tindakan seseorang yang mengambil barang dan memberikan wang itu telah memadai untuk difahami oleh kedua orang yang berakad itu bahawa dia ingin membelinya. Manakala penjual pula yang memperaga dan memberikan barangnya itu tidak lain mestilah dengan niat untuk menjualnya. Tetapi berlainan pula jika ia diletakkan bukan di tempat jualan atau

⁵⁰ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 134

⁵¹ Shaykh Marī ibn Yūsuf, *Ghāyat al-Muntaqī*, Dimashq, jil. 2, m.s. 5

⁵² Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid Wa Nihāyat al-Muqtashid*, 1981, cet. kelima, al-Qāhirah : Maktabah Muṣṭafā al-Ḥalabī, jil. 2, m.s. 161

⁵³ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, m.s. 5

tempat yang tidak dapat dipastikan bahawa barang tersebut diletakkan dengan niat untuk dijual atau tidak. Dalam keadaan ini, satu *sighah* yang jelas perlulah dilakukan untuk menunjukkan suatu akad jual-beli ingin dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan yang mungkin berlaku.

c. *Sighah* Melalui Isyarat

Para ulama' telah bersepakat mengatakan bahawa jual-beli yang dilakukan melalui isyarat yang tertentu adalah sah jika orang yang melakukannya itu tidak boleh bercakap dan tidak boleh menulis. Ini kerana tidak ada cara lain lagi yang boleh digunakan untuk menunjukkan keredaan mereka dalam melakukan sesuatu akad jual-beli.

Tetapi jika mereka mampu menulis, *sighah* melalui bentuk isyarat ini tidak diharuskan menurut mazhab Ḥanafi⁵⁴ dan Shāfi'i⁵⁵ kerana isyarat tidak sama kekuatannya dengan lafaz atau tulisan. Oleh itu, perlulah didahului *sighah* yang lebih kuat dan jelas maksudnya.

Manakala mazhab Mālikī⁵⁶ dan Ḥanbalī⁵⁷ pula mengatakan jual-beli dengan isyarat ini adalah sah kerana pada asasnya isyarat yang memberi makna itu adalah lebih jelas dan lebih memberi faham daripada tindakan mengambil barang dan membayar sahaja (*al-mu‘āfātah*) tanpa apa-apa isyarat yang tertentu untuk membeli dan menjual. Penulis, setelah meneliti hal ini lebih cenderung

⁵⁴ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, ms. 135 – hanya tulis yang asal sahaja diharuskan menggunakan tulisan sebagai *sighah* akad mengikut mazhab ini.

⁵⁵ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *op. cit.*, jld. 3, ms. 561

⁵⁶ Al-Dardir, *op. cit.*

⁵⁷ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 6

kepada pendapat Mālikī dan Ḥanbalī ini kerana jika *bay‘ al-mu‘āṣirāt* yang berlaku tanpa lafaz, tulisan dan isyarat itu pun dikira sah dan diterima kesahihan akadnya, inikan pula apabila terdapatnya suatu isyarat tertentu dan dapat difahami pula maksudnya untuk melakukan sesuatu akad jual-beli.

Tambahan pula tidak terdapat syarat tertentu dalam sesuatu jual-beli yang mensyaratkan bahawa *ṣighah* yang lebih jelas mestilah didahului daripada *ṣighah* yang kurang jelas. Apa yang penting ialah memadai apabila keadaan yang tertentu tersebut dapat difahami maksudnya iaitu menjelaskan keredaan seseorang untuk berakad.

d. *Ṣighah* Melalui Tulisan

Ijab dan kabul boleh juga berlaku melalui tulisan dan secara umumnya para ulama’ bersepakat dalam mengakui kesahihan akad yang dilakukan melalui *ṣighah* berbentuk tulisan. Namun mereka berbeza pendapat dalam menentukan syarat-syaratnya yang lebih terperinci. Terdapat beberapa syarat yang diberikan oleh ulama’ jika *ṣighah* melalui tulisan ini ingin digunakan. *Fiqahā’ mazhab Shāfi‘ī*⁵⁸ dan Ḥanbalī⁵⁹ mengatakan bahawa *ṣighah* dalam bentuk tulisan hanya boleh digunakan jika penjual dan pembeli itu tidak hadir di majlis akad seperti jika dilakukan melalui perantaraan wakil. Tetapi jika mereka sendiri yang hadir, mereka mestilah menggunakan cara yang terbaik yang boleh mereka lakukan.

⁵⁸ Al-Shirāzī, *op. cit.*, jil. 1, m.s. 257

⁵⁹ Shaykh Mar‘ī ibn Yusuf, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 4

Manakala mazhab Ḥanafī⁶⁰ dan Mālikī⁶¹ pula berpendapat bahawa akad jual-beli yang menggunakan *ṣighah* tulisan itu adalah sah sama ada mereka mampu bercakap atau tidak dan sama ada mereka hadir atau tidak di majlis akad tersebut⁶². *Ṣighah* jenis ini boleh dilakukan dengan syarat bahasa yang digunakan dalam tulisan tersebut mestilah difahami oleh kedua-dua penjual dan pembeli. Penulis berpendapat bahawa *ṣighah* melalui tulisan ini jauh lebih jelas dan lebih terang daripada urusniaga melalui unjuk dan beri dalam menyatakan keredaan orang yang melakukan akad.

1.5.4 Syarat-syarat Sah Ijab Dan Kabul

Setiap rukun jual-beli mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri. *Ṣighah* ijab dan kabul tidak boleh dilakukan secara semberono sahaja untuk mengesahkan sesuatu jual-beli berlaku. Terdapat beberapa syarat yang telah digariskan oleh Islam agar *ṣighah* itu dikira sah perlaksanaannya. Secara ringkasnya, syarat-syarat yang dimaksudkan itu ialah :-

- 1) *Ṣighah* tersebut mestilah jelas dan terang di mana setiap ungkapan yang digunakan mestilah jelas, dapat didengar dan difahami mengikut bahasanya atau pada kebiasaan orang ramai⁶³. Tidak disyaratkan untuk menggunakan hanya sesuatu lafaz, kaedah atau bentuk yang tertentu sahaja kerana yang penting ialah

⁶⁰ Ibn Ḥābīb, *op. cit.*, jil. 4, ms. 10

⁶¹ Al-Dardir, *op. cit.*

⁶² Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 103

⁶³ Muḥammad Sayyid Aḥmad ‘Āmir, ‘*Aqd al-Bay‘ Fī al-Fiqh al-Islāmī*, t.t., Ṭanṭā: Kuliyyat al-Shari‘ah Wa al-Qānūn., m.s. 23

Dalam hal ini, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh dua pihak yang berakad tersebut agar *sighahnya* itu dikira bersambungan dalam satu majlis, iaitu⁶⁷ :-

- a) Kedua-dua pihak yang berakad itu mestilah berada di suatu pertemuan yang sama dan belum lagi beredar atau berpisah sebelum akad itu sempurna. Ia boleh berlaku pada satu tempat atau pada dua tempat yang berbeza tetapi mestilah dihubungkan oleh satu perantara sama ada dihubungkan melalui wakil, surat (tulisan), telefon, komputer (*on line* atau internet) dan sebagainya⁶⁸. Jika kabul diucap pada ketika yang lain iaitu selepas majlis pertemuan itu, maka *sighah* tersebut dikira tidak sah kerana tempoh kabul atau tawaran terhadap barang tersebut telah berakhir kerana kemungkinan barang tersebut telah ditawarkan kepada orang lain.
- b) Tidak ada tanda-tanda berpaling daripada *sighah* ijab atau tanda-tanda tidak bersetuju seperti diam yang terlalu lama atau tiba-tiba orang yang hendak berakad itu telah menukar topik perbicaraan kepada perkara lain yang boleh dianggap bahawa dia tidak berminat untuk meneruskannya atau sibuk menguruskan kerja lain tanpa menghiraukan *sighah* tersebut.
- c) *Sighah* ijab tersebut mestilah berkekalan sehingga *sighah* kabul diucapkan⁶⁹. Maksudnya penjual tidak menarik kembali *sighah* ijab yang telah

⁶⁷ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 2992-2994

⁶⁸ Wahbah al-Zuhaylī, (1996), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, cet. pertama, Dimashq: Dār al-Fikr, jil. 9, m.s. 243

⁶⁹ Muḥammad Sayyid, *op. cit.*, m.s. 24

diucapkannya sebelum kabul diucapkan. Oleh itu, tidak sah *ṣighah* kabul yang diungkap selepas *ṣighah* ijab ditarik semula oleh penjual.

a. **Adakah *Ṣighah* Kabul Perlu Disegerakan**

Terdapat sedikit perbezaan pandangan di kalangan *fuqahā'* berhubung masalah ini. Majoriti ulama' iaitu daripada mazhab Ḥanafi⁷⁰, Mālikī⁷¹ dan Ḥanbalī⁷² tidak mensyaratkan *ṣighah* kabul itu disegerakan. Bagi mereka, apa yang penting ialah ungkapan *ṣighah* kabul itu mestilah ketika mereka masih berada di dalam majlis akad.

Asas perkiraan mereka ialah orang yang berakad itu mestilah masih berada dalam satu majlis. Pendapat mereka ini dilihat lebih cenderung untuk memudahkan urusan sesuatu jual-beli barang yang masih dalam proses tawar-menawar. Apa yang penting ialah tanda keredaan untuk melakukan akad mestilah dapat diketahui dengan jelas.

Namun, mazhab Shāfi'i⁷³ mengatakan bahawa *ṣighah* kabul itu mestilah diungkapkan dalam kadar yang segera dan barulah dikira bersambungan dengan *ṣighah* ijab. Walau bagaimanapun, tidaklah mengapa jika ia diselangi oleh suatu tempoh masa diam tetapi ia mestilah sedikit atau seketika sahaja.

⁷⁰ Al-Ḵāṣāñī, *op. cit.*, jil.5, m.s. 137

⁷¹ Al-Dardir, *op. cit.*, jil.3, m.s. 5

⁷² Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil.4, m.s. 4

⁷³ Al-Khaṭīb al-Sharībī, *op. cit.*, jil.2, m.s. 6

1.6 Rukun Yang Kedua : Orang Yang Berakad

Orang yang berakad atau *al-‘āqid* ialah orang yang terlibat secara langsung dalam proses jual-beli sama ada sebagai penjual atau pembeli⁷⁴. Kemungkinan dia bertindak sebagai pemilik akad yang sebenarnya atau sekadar wakil kepada seseorang sahaja.

Tidak semua orang dibenarkan menjalankan kesemua urusan jual-beli malah hanya individu yang memenuhi kriteria tertentu sahaja dibenarkan melaksanakannya. Ini bertujuan untuk menjaga maslahah-maslahah yang tertentu dalam sesuatu urusniaga. Secara umumnya, kriteria-kriteria yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut :-

1.6.1 Berakal, Mumaiyiz dan Baligh

Para ulama' sepakat dalam mengatakan bahawa kedua-dua orang yang hendak melakukan sesuatu akad itu mestilah orang yang berakal. Jual-beli yang dilakukan oleh orang yang tidak berakal atau gila dikira tidak sah. Begitu juga bagi kanak-kanak kecil yang belum mumaiyiz, kebanyakan ulama' berpendapat bahawa jual-beli mereka juga dikira tidak sah sekalipun membeli barang yang kecil dan murah seperti membeli gula-gula⁷⁵.

⁷⁴ Muhammad Sayyid, Dr., *op. cit.*, ms. 25 – tetapi beliau menggunakan istilah *al-‘āqidān* iaitu dua orang yang berakad.

⁷⁵ Muhammad Sayyid, *op. cit.*, m.s. 26

Berbeza dengan ulama' mazhab Ḥanbali⁷⁶ yang memberi kekecualian bagi jual-beli kanak-kanak yang belum mumaiyiz di mana jual-beli mereka dikira sah jika kanak-kanak tersebut mendapat keizinan daripada walinya untuk melakukan urusniaga berkenaan dan dikira sah juga jika urusniaga yang dilakukan oleh mereka itu hanya melibatkan barang yang murah seperti gula-gula dan sebagainya.

Bagi kanak-kanak yang telah mumaiyiz tetapi belum lagi baligh, terdapat sedikit kekhilafan di kalangan *fūqahā'*. Kebanyakan ulama' mazhab Shāfi'i mengatakan bahawa tidak sah urusniaga mereka⁷⁷ walaupun urusniaga yang melibatkan barang yang murah seperti gula-gula. Malahan mereka juga tidak dibenarkan berurusniaga walaupun jika urusniaga tersebut dilakukan dengan izin daripada walinya⁷⁸.

Namun berlainan pula dengan ulama' mazhab Ḥanafī yang menggantung kesahihan akad tersebut mengikut persetujuan daripada walinya⁷⁹. Manakala bagi mazhab Mālikī pula, mereka berpendapat bahawa urusniaga yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum baligh tetapi telah mumaiyiz adalah sah dengan syarat jika kanak-kanak tersebut bertindak sebagai wakil kepada orang yang telah mukallaf dan bukan mengikut dirinya sendiri semata-mata.

⁷⁶ Al-Taftazānī, Maṣṭūd ibn ‘Umar, *Sharḥ al-Taḥwīl ‘Alā al-Tawdīḥ Li Matn al-Tanqīḥ Fī Usūl al-Fiqh*, 1985, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil. 2, m.s. 165

⁷⁷ Al-Nawawī, *Rawḍat al-Tālibīn Wa ‘Umdat al-Muftīn*, 1995, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil. 3, m.s. 61

⁷⁸ Shaykh ‘Umayrah, *Qalyūbī Wa ‘Umayrah*, t.t., al-Qāhirah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, jil. 2, m.s. 155

⁷⁹ Al-Taftazānī, *op. cit.*

mengiktiraf dan sebahagian yang lain pula tidak mengiktirafnya¹⁰⁸. Menjual burung kerana bunyi kicauannya atau menjual apa sahaja binatang lain kerana suka melihatnya adalah juga dikira satu manfaat yang dibenarkan. Oleh itu hukumnya adalah harus¹⁰⁹ kerana manfaat itu tidak semestinya untuk dimakan sahaja.

1.7.2 Barang Yang Telah Dimiliki Secara Khusus

Setiap barang yang masih menjadi milik umum atau tidak/belum dimiliki oleh sesiapa tidak boleh diniagakan seperti air sungai, batu dari bukit dan sebagainya. Hanya apabila ia telah diambil dan menjadi milik khusus seseorang, barulah orang yang berkenaan boleh memperniagakannya. Ini kerana Nabi s.a.w. telah bersabda dalam sebuah hadis, iaitu :

لَا تَبْعَدْ مَالَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya : “Janganlah engkau menjual barang yang tidak ada pada engkau”¹¹⁰.

1.7.3 Barang Mestalah Wujud Ketika Akad

Barangan yang hendak diniagakan itu mestalah wujud ketika akad dan mestalah juga boleh atau berkemampuan diserahkan kepada pembeli. Oleh itu, jualan

¹⁰⁸ Abādī, Shams al-Dīn, “Awān al-Mā’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud”, 1995, diedit oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Bayrut : Dār al-Fikr, jil. 9, m.s. 295. - majoriti ulama berpendapat bahawa anjing tidak boleh dijual-beli (haram) kerana berpegang kepada maksud zahir hadis. Tetapi Abū Hanīfah berpendapat bahawa anjing yang mempunyai manfaat (seperti untuk berburu) harus dijual-beli.

¹⁰⁹ Al-Khaṭib al-Sharbīnī, *al-Iqna'*, jil. 2, m.s. 10-11

¹¹⁰ Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, jil. 3, m.s. 283, hadis no. 3503; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, jil. 3, m.s. 16, hadis no. 1236

Tujuan syarat ini diwujudkan kerana memandangkan setiap pihak mempunyai kepentingan masing-masing. Pembeli ingin membeli dengan harga yang paling murah dan mempunyai hak memilih barang yang paling baik manakala penjual pula tentulah ingin menjual barangnya dengan mendapat keuntungan yang semaksima mungkin. Maka hal ini tentunya sukar dilakukan oleh seseorang dalam satu masa. Jika keadaan sebegini tidak dikawal, adalah dibimbangi ia akan menyebabkan berlakunya penyelewengan atau suatu tindakan mengambil kesempatan ke atas pihak-pihak yang tertentu.

1.6.3 Tidak Dipaksa

Para ulama' bersepakat mengatakan bahawa setiap jual-beli yang berlaku mestilah dengan kerelaan hati tanpa dipaksa oleh sesiapa pun. Ia berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. ;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَنْكِلُوْا أَمْوَالَكُمْ بِيَنْكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مُّنْكَمْ

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta sesama kamu dengan cara yang batil kecuali melalui perniagaan yang kamu redai sesama kamu".

Surah al-Nisā' (4): 29

Nabi s.a.w. pula pernah bersabda;

إِنَّمَا الْبَيْعُ عَنْ تَرَاضٍ

Maksudnya : "Sesungguhnya jual-beli itu ialah dengan keredaan."⁸³

⁸³ Hadis diriwayatkan oleh Imam al-Suyūtī, *al-Jāmi' al-Saghīr*, dedit oleh al-Albānī, jil. 1, m.s. 460, kata al-Albānī – hadis ini sahih.

Walau bagaimanapun terdapat sedikit kekecualian hukum di sini di mana dalam beberapa kes, jualan paksa boleh dilakukan ke atas harta milik seseorang sebagai tebusan untuk membayar hutangnya kepada orang lain, tetapi paksaan yang dibenarkan ini hanya boleh diputuskan oleh kadi atau pihak mahkamah sahaja sebagai menjamin hak orang lain yang sepatutnya ditunaikan⁸⁴.

1.6.4 Mempunya Kuasa Untuk Melakukan Sebarang Tindakan Urusniaga

Pemilik sesuatu barang mempunyai kuasa terhadap barang jualannya di mana dia boleh menjualnya secara sah pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Selain itu, pemilik berkenaan boleh juga memberikan kuasa menjual tersebut kepada orang lain dengan cara mewakilkan kepadanya urusan jualan tersebut. Seorang wakil pula dikira mempunyai kuasa menjual setakat had perwakilan yang diberikan kepadanya sahaja. Berbeza dengan jualan *al-fudūlī* iaitu jualan yang dilakukan oleh orang yang tidak diberikan kuasa untuk melakukannya di mana terdapat perbahasan yang panjang berkenaan jualan *al-fudūlī* ini.

i. Urusniaga *Fuḍūlī*

Urusniaga *fuḍūlī* ialah urusniaga yang dilakukan oleh seseorang yang tidak diberikan kuasa untuk melakukannya oleh pemilik barang yang terbabit⁸⁵. Para ulama' berselisih pendapat mengenai hukum *bay'* *al-fudūlī* ini di mana mazhab Shāfi'i⁸⁶, Zāhiri⁸⁷ dan Ḥanbalī⁸⁸ mengatakan bahawa jualannya itu adalah tidak sah

⁸⁴ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 10-11

⁸⁵ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 167

⁸⁶ Al-Nawawi, *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab*, t.t., t.tp., Dār al-Fikr, jil. 9, m.s. 281

⁸⁷ Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 8, m.s. 503

kerana dia tidak mempunyai sebarang kuasa yang diiktiraf daripada pemilik barang berkenaan untuk menjualnya. Manakala ulama' mazhab Hanafi⁸⁸ dan Mālikī⁸⁹ pula tidak menolak terus urusniaga *fudūlī* ini, sebaliknya mereka mengatakan bahawa kesahihan jualan itu bergantung kepada persetujuan daripada pemiliknya, di mana jika dia bersetuju maka jual-beli itu dikira sah.

Pada asasnya, orang lain boleh menolong seseorang peniaga untuk menjual barangannya ketika ketidaan peniaga tersebut di tempat jualannya. Kesahihan jualan yang dilakukannya itu pula bergantung kepada keizinan atau persetujuan daripada pemilik atau penjual sebenar barang tersebut. Menurut pengamatan penulis, pada kebiasaannya peniaga berkenaan akan bersetuju sahaja kerana semakin banyak barang yang dijual maka semakin banyak pula keuntungan yang akan diperolehi olehnya. Terkecuali bagi kes-kes yang tertentu apabila peniaga terbabit tiba-tiba tidak mahu menjual barang berkenaan kerana sebab-sebab yang tertentu. Ini bermakna peniaga tersebut berhak meminta semula barang jualannya itu daripada pembeli berkenaan dan dia pula mestilah memulangkan semula wang yang telah dibayar oleh pembeli terbabit⁹⁰.

ii. *Wakālah Dalam Berurusniaga*

Seorang pemilik barang boleh mewakilkan kepada orang lain untuk memperniagakan barangannya. Keperluan manusia kepada sistem perwakilan itu telah sedia wujud sejak dahulu sehingga ke hari ini. Justeru itu, syariat Islam

⁸⁸ Al-Bahūtī, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 11

⁸⁹ Al-Kāṣānī, *op.cit.*, jil. 5, m.s. 148

⁹⁰ Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 171

⁹¹ Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 171

telah menentukan bentuk dan konsep perwakilan yang tersendiri merangkumi beberapa syarat yang tertentu.

Allah s.w.t. telah mengimbas konsep wakil ini apabila menceritakan mengenai *Aṣḥāb al-Kahfī*, firmanNya ;

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِرَقْمٍ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَالْيَنْظُرْ إِلَيْهَا أَزْكِي طَعَامًا فَلِيَنْتَهُ بِرْزُقٍ مِنْهُ

Maksudnya : "Maka utuskanlah salah seorang daripada kamu untuk pergi ke bandar dengan wang perak ini, maka hendaklah ia mencari makanan yang paling bersih dan membawakannya ke mari sebagai rezeki daripada Tuhanmu."

Surah al-Kahfi (18): 19

Rasulullah s.a.w. juga pernah mewakilkan ṢUrwah al-Bāriqī⁹² untuk membeli seekor kambing yang berharga satu dinar di mana imam al-Bukhārī meriwayatkan bahawa⁹³ :

أَنَّ النَّبِيَّ (ص) أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ شَاةً ، فَاشْتَرَى لَهُ شَاتِينَ فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ فَجَاءَ بِدِينَارٍ وَشَاةً ، فَدَعَاهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ ، وَكَانَ كُوَاشْتَرَى التُّرَابَ لِرَبَحٍ فِيهِ

Maksudnya : "Bahawa Nabi s.a.w. memberinya ṢUrwah al-Bāriqī) satu dinar agar dia membelikan untuk baginda seekor kambing, lalu dengan satu dinar itu dia membeli dua ekor kambing dan kemudian menjual seekor daripadanya dengan harga satu dinar, kemudian dia datang kepada Nabi s.a.w. dengan satu dinar dan seekor kambing. Maka Nabi s.a.w. mendoakan keberkataan terhadap jualannya itu. Dan jika dia membeli tanah nescaya akan memperolehi keuntunganlah padanya."

⁹² Beliau ialah ṢUrwah ibn al-Jād atau ṢUrwah ibn Abī al-Jād – lihat dalam al-Asqalānī, *Fath al-Bārī*, jil. 7, m.s. 344

⁹³ Al-Bukhārī, kitab no. 65 (al-Manāqib), bab. 24, hadis no. 3642, lihat dalam *Fath al-Bārī*, jil. 7, m.s. 342

Wakālah pada asalnya membawa erti penggantian (*al-tafwid*) atau boleh juga diertikan sebagai penjagaan (*al-hifz*). Dalam menghuraikan pengertiannya menurut istilah fiqh, al-Kāsānī mengatakan bahawa wakil ialah apabila seseorang mengambil orang lain supaya berada di tempatnya dalam melaksanakan sesuatu urusan yang diharuskan dan diketahui keadaannya. Pengertian yang diberikan oleh al-Kāsānī ini tidak pula membezakan di antara pemberi wakil yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia. Manakala ulama'-ulama⁹⁴ yang lain pula telah membataskan konsep wakil ini hanya ketika si pemberi wakil itu masih hidup sahaja. Ini kerana setelah dia meninggal dunia hartanya itu tidak lagi menjadi miliknya malah telah diwarisi oleh ahli warisnya yang berhak atau oleh penama wasiatnya dan mereka lebih berhak untuk mengendalikan hak mereka mengikut kehendak mereka.

Mana-mana perwakilan tidak akan diiktiraf kecuali mestilah dengan ijab daripada orang yang hendak memberi wakil dan diterima oleh si penerima wakil, sama ada secara langsung atau melalui perantaraan seseorang. Bagi si penerima wakil tersebut dia boleh menyatakan sama ada dengan disebutkan lafaz kabul yang terang atau tidak disebutkan tetapi dia melakukan sahaja urusan tersebut sebagaimana permintaan daripada pemberi wakil berkenaan.

Kesemua *fuqahā'* sepandapat bahawa akad *wakālah* tidak semestinya disempurnakan oleh penerima wakil berkenaan bahkan penerima wakil tersebut boleh bertindak untuk memfasakhkan perwakilannya itu jika dia mahu. Walau

⁹⁴ Al-Khatib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtaj*, op. cit., jil. 2, m.s. 217; al-Dardīr, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 3, m.s. 377

bagaimanapun, kebanyakan ulama⁹⁵ berpendapat bahawa tugas melaksanakan urusan itu akan berubah menjadi wajib dan mesti ditunaikan jika tugas perwakilan itu diberikan satu ganjaran atau upah yang tertentu. Sama ada upah tersebut dinyatakan secara terang oleh si pemberi wakil atau memang telah menjadi adat kebiasaan masyarakat bahawa kerja tersebut akan diberikan suatu upah. Berbeza dengan ulama' mazhab Shāfi'i⁹⁶ yang masih berpendapat bahawa *wakālah* tidak juga wajib disempurnakan walaupun ditawarkan pemberian upah yang tertentu jika dilaksanakan.

Selain itu, tugasan yang diwakilkan itu pula mestilah dapat diketahui dengan baik dan sempurna untuk mengelakkan sebarang perselisihan kemudiannya. Di samping itu juga, hanya urusniaga yang melibatkan barang atau perkhidmatan yang halal sahaja dibenarkan dalam *wakālah*. Oleh itu, sebarang perwakilan untuk melakukan kerja-kerja yang haram adalah tidak sah dan tidak boleh dilakukan kerana ia membawa maksud menolong melakukan kemungkaran⁹⁷.

Apabila seseorang itu telah diberikan satu hak wakil secara yang terhad dalam sesuatu urusniaga, maka dia tidak boleh bertindak melebihi had tersebut, malah sebarang tindakannya yang melebihi had itu akan dikira sebagai tindakan *fudūlī*. Penerima wakil hanya boleh bertindak dengan bebas apabila dia diberikan satu hak wakil yang mutlak atau tanpa had yang seolah-olah dia menjadi pemilik

⁹⁵ Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 123 ; al-Dardir, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 396 ; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 85

⁹⁶ Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 38

⁹⁷ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 21; Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 297; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhiṭāj*, jil. 2, m.s. 219; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 83

barang jualan itu. Pendapat ini dikongsi oleh kebanyakan ulama⁹⁸. Manakala ulama' lain iaitu di kalangan mazhab Shāfi'i, Mālikī dan Ḥanbalī pula berpendapat bahawa kuasa untuk melakukan tindakan itu tidaklah bersifat mutlak tetapi hanya dalam lingkungan yang menurut adat kebiasaan orang ramai sahaja.

Manakala bagi penerima wakil yang khas atau perwakilan yang ditentukan hanya kepada dirinya sahaja adalah tidak harus baginya untuk memberikan tugas tersebut kepada orang lain kerana ia ditujukan khas kepadanya sahaja melainkan jika perwakilan itu bersifat umum atau diberikan secara mutlak⁹⁹. Walau bagaimanapun, menurut kebanyakan ulama' tugas tersebut hanya boleh diberikan kepada orang lain setelah wakil yang pertama itu tadi tidak mampu untuk melaksanakannya¹⁰⁰.

1.6.5 Pembeli Mestilah Seorang Muslim Dalam Keadaan Tertentu

Syarat ini hanya berkaitan dengan penjualan kitab suci al-Quran, buku-buku hadis, kitab-kitab fiqh yang mengandungi ayat-ayat al-Quran dan hadis serta dalam kes penjualan hamba yang muslim¹⁰¹. Sifat muslim dalam akad ini disyaratkan kepada pembeli kerana berdasarkan kepada firman Allah s.w.t :

⁹⁸ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 27; Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 297; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, jil. 2, m.s. 223; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 124

⁹⁹ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 25

¹⁰⁰ Al-Dardir, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 388; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 88; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, jil. 2, m.s. 226

¹⁰¹ Wahbah al-Zuhaylī, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 390

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Maksudnya : “Dan Allah tidak sekali-kali memberikan peluang kepada orang-orang kafir (untuk membinasakan) orang-orang yang beriman”.

Surah al-Nisā’ (4):141

Tujuan syarat ini ialah agar ayat-ayat suci al-Quran, hadis-hadis dan maruah hamba yang muslim tersebut tidak dihina dan dipermainkan oleh orang-orang kafir tanpa dapat dikawal lagi oleh orang-orang Islam¹⁰². Kemuliaan Islam mestilah dijaga dalam setiap tindakan orang-orang Islam.

1.6.6 Pembeli Mestilah Bukan Kafir *Harbi* Dalam Urusniaga Yang Tertentu

Pada sesetengah keadaan pembeli tidak disyaratkan muslim di mana orang-orang kafir boleh membeli dan memiliki barang tertentu asalkan mereka bukanlah kafir *harbi* (yang diperangi) sahaja. Larangan ini berkaitan dengan penjualan peralatan ketenteraan seperti senjata api dan seumpamanya¹⁰³. Ini kerana penjualan senjata tersebut kepada mereka akan menjadikan mereka kuat dan dikhuatiri mereka akan menggunakannya untuk memerangi umat Islam di kemudian hari. Oleh itu Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud :

“Dan Allah tidak sekali-kali memberikan peluang kepada orang-orang kafir (untuk membinasakan) terhadap orang-orang beriman.”

Terjemahan Surah al- Nisā’ (4):141

¹⁰² Al-Mahallī, lihat dalam *Qalyūbī Wa ḥāfiẓ Umayrah*, jil.2, m.s. 156

¹⁰³ Qalyūbī, *ibid*, jil.2, m.s. 156

Ulama' mazhab Shāfi'i mengatakan bahawa terdapat kekecualian dalam penjualan bahan mentah kepada mereka seperti besi yang belum lagi dipastikan tujuannya untuk membuat peralatan perang¹⁰⁴. Manakala hukum urusniaga tersebut dengan *ahl al-dhimmah* yang berada di dalam negara *harbi* adalah sama seperti hukumnya dengan kafir *harbi* dalam konteks larangan ini. Ini kerana tidak ada satu jaminan bahawa senjata tersebut tidak akan terlepas ke tangan musuh. Begitu juga dengan kafir *harbi* yang masih tinggal di dalam negara Islam, maka hukumnya adalah sama seperti dengan mereka yang tinggal di luar negara Islam¹⁰⁵.

Walaupun penjualan senjata tersebut akan mendatangkan suatu keuntungan yang besar, namun kemungkinan mudarat yang akan berlaku kemudiannya adalah lebih besar. Oleh itu adalah amat wajar untuk menggunakan kaedah fiqh :

دَرَأَ الْمُفَاسِدَ أَوْلَى عَلَى جَلِبِ الْمُصَلَّحَ

Maksudnya : "Menolak kerosakan itu lebih diutamakan daripada membuat kebaikan"¹⁰⁶.

1.7 Rukun Ketiga : Barang Pertukaran (*al-Ma'qūd 'Alayh*)

Barang pertukaran dalam sesuatu urusniga boleh berlaku dalam beberapa bentuk dan secara umumnya ia adalah seperti berikut:-

¹⁰⁴ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, jil.2, m.s. 14

¹⁰⁵ Qalyūbī, *op. cit.*

¹⁰⁶ Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, *al-Ashbāh Wa al-Naẓār 'Ir Fī Qawāḍid Wa Furiū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*, 1996, cet. kedua, Bayrūt : Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, m.s. 117

- i. Pertukaran barang dengan wang.
- ii. Pertukaran barang dengan barang.
- iii. Pertukaran wang dengan wang.

Sungguhpun begitu, Islam telah menetapkan beberapa syarat terhadap barang yang ingin diperniagakan tersebut. Tidak semua barang boleh dijadikan bahan pertukaran perniagaan terutama jika ia tidak mempunyai manfaat, tidak suci dan sebagainya. Di antara syarat yang dimaksudkan dalam barang pertukaran perniagaan itu secara terperincinya adalah seperti berikut :-

1.7.1 Harta Yang Mempunyai Nilai Manfaat

Sesuatu barang pertukaran itu mestilah mempunyai satu nilai manfaat yang tertentu. Ulama' mazhab Ḥanafī, Mālikī, Shāfi'i dan Ḥanbalī sepakat mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan manfaat di sini ialah manfaat dari segi syarak dan juga dari segi adat. Oleh itu, beberapa barang terkeluar dari lingkungan ini dan di antaranya ialah arak, babi, anjing, patung, bangkai dan sebagainya kerana ia tidak dikira bermanfaat dari segi syaraknya¹⁰⁷.

Manakala sebiji gandum pula tidak dipandang sebagai harta dari segi adatnya. Para ulama' berbeza pendapat terhadap manfaat pada anjing yang digunakan untuk berburu atau mengembala di mana sebahagian mereka

¹⁰⁷ Ibn Ḥāfiẓ, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 3; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 16; al-Nawawī, *Rawdat al-Talibin*, jil. 3, m.s. 68-69 – walau bagaimanapun, terdapat kekhilafan pendapat ulama' dalam persoalan anjing dan peralatan muzik, sebahagiannya mengharuskan dan sebahagian yang lain pula melarangnya..

mengiktiraf dan sebahagian yang lain pula tidak mengiktirafnya¹⁰⁸. Menjual burung kerana bunyi kicauannya atau menjual apa sahaja binatang lain kerana suka melihatnya adalah juga dikira satu manfaat yang dibenarkan. Oleh itu hukumnya adalah harus¹⁰⁹ kerana manfaat itu tidak semestinya untuk dimakan sahaja.

1.7.2 Barang Yang Telah Dimiliki Secara Khusus

Setiap barang yang masih menjadi milik umum atau tidak/belum dimiliki oleh sesiapa tidak boleh diniagakan seperti air sungai, batu dari bukit dan sebagainya. Hanya apabila ia telah diambil dan menjadi milik khusus seseorang, barulah orang yang berkenaan boleh memperniagakannya. Ini kerana Nabi s.a.w. telah bersabda dalam sebuah hadis, iaitu :

لَا تَبْعَدْ مَالَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya : “Janganlah engkau menjual barang yang tidak ada pada engkau”¹¹⁰.

1.7.3 Barang Mestalah Wujud Ketika Akad

Barangan yang hendak diniagakan itu mestalah wujud ketika akad dan mestalah juga boleh atau berkemampuan diserahkan kepada pembeli. Oleh itu, jualan

¹⁰⁸ Abādī, Shams al-Dīn, “Awān al-Mā’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud”, 1995, diedit oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Bayrut : Dār al-Fikr, jil. 9, m.s. 295. - majoriti ulama berpendapat bahawa anjing tidak boleh dijual-beli (haram) kerana berpegang kepada maksud zahir hadis. Tetapi Abū Hanifah berpendapat bahawa anjing yang mempunyai manfaat (seperti untuk berburu) harus dijual-beli.

¹⁰⁹ Al-Khaṭib al-Sharbīnī, al-İqnā’, jil. 2, m.s. 10-11

¹¹⁰ Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, Sunan Abī Dāwud, jil. 3, m.s. 283, hadis no. 3503; al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, jil. 3, m.s. 16, hadis no. 1236

barang yang tidak ada atau belum wujud seperti jualan buah pada pokok yang sedang berbunga adalah tidak harus. Begitu juga menjual sesuatu yang ada tetapi belum pasti kewujudannya seperti menjual anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya adalah tidak sah kerana kemungkinan anak lembu tersebut mati, tidak cukup sifat dan sebagainya¹¹¹. Ini berdasarkan kepada sebuah hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi :

لَا تَبْعِثْ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya “Janganlah kamu menjual barang yang tiada di sisi kamu”¹¹².

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kekecualian hukum dalam masalah ini¹¹³ di mana tidak semua barang dilarang daripada berjual-beli sebegini. Di antara kekecualian hukum tersebut ialah seperti barang yang perlu ditempah pembeliannya seperti yang dilakukan dalam *bay' al-salam* dan juga barang yang perlu ditempah pembuatannya atau lebih dikenali sebagai *bay' al-istiṣnā'*¹¹⁴.

1.7.4 Berupaya Untuk Diserahkan

Setiap barang yang ingin diniagakan mestilah dapat diserahkan kepada pembeli mengikut cara yang sewajar dan sepatutnya. Barang yang tidak dapat diserahkan kepada pembeli dikira tidak sah untuk diniagakan kerana kemungkinan satu pihak

¹¹¹ Al-Kāṣāñī, *op. cit.*, m.s.138; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *op.cit.*, jil. 2, m.s. 5-6

¹¹² Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan*, jil. 2, m.s. 139; al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, jil. 5, m.s. 267; al-Tirmidhī, *Sunan*, jil. 3, m.s. 536

¹¹³ Penulis akan membincangkan masalah ini di bawah tajuk *bay' al-ma'dūm* dalam bab yang kedua dengan lebih terperinci dengan melihat pandangan para ulama' dari pelbagai aliran.

¹¹⁴ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *al-Ignā'*, *op. cit.*, m.s. 5

akan cuba memperdaya pihak yang lain dengan cara menipunya dan satu pihak lagi mungkin akan ditindas serta tidak mendapat hak yang sepatutnya. Contoh yang sering digunakan dalam kitab-kitab fiqh ialah seperti menjual ikan yang masih bebas di dalam air seperti sungai dan tasik. Ini kerana jika barang tersebut tidak dapat diserahkan walaupun ia wujud ketika itu samalah seperti ia tidak wujud kerana ia sememangnya tidak dapat diserahkan kepada pembeli¹¹⁵. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud :

“Janganlah kamu menjual ikan di dalam air, sesungguhnya ia akan menimbulkan penipuan”¹¹⁶.

Begini juga bagi jualan jenis barang yang sukar dibahagi atau dipecahkan seperti jualan sebahagian daripada sebilah pedang atau jualan sebahagian daripada sebuah kereta¹¹⁷. Jualan barang sebegini juga termasuk dalam jenis barang yang sukar diserahkan dan hukumnya adalah tidak harus.

1.7.5 Suci Di Sisi Syarak

Setiap barang yang hendak diniagakan mestilah suci bersih menurut syarak. Oleh itu arak, babi, bangkai, anjing dan sebagainya tidak sah diniagakan kerana ia dianggap kotor dan najis menurut hukum syarak.

Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat berhubung kenajisan sesuatu barang menyebabkan khilaf di kalangan ulama' dalam menentukan kesahihan jual-beli begini. Contohnya dalam masalah anjing di mana kebanyakan ulama'

¹¹⁵ Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 396

¹¹⁶ Al-Bayhaqi, *Sunan al-Kubrā*, jil. 5, m.s. 340

¹¹⁷ Muṣṭafā al-Bughā, *op. cit.*, m.s. 18

mengatakannya najis, tetapi ulama' mazhab Mālikī mengatakan bahawa anjing itu pada zatnya adalah tidak najis¹¹⁸. Begitu juga dengan pendapat yang mengatakan bahawa tahi binatang yang halal dimakan dagingnya itu adalah tidak najis seperti mengikut mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbali¹¹⁹. Sudah tentu hukum memperniagakan barang tersebut adalah berbeza-beza menurut mereka.

Syarat suci ini bersandarkan kepada beberapa dalil, di antaranya ialah sebuah hadis yang bermaksud :

“Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mengharamkan arak dan harganya, bangkai dan harganya, babi dan harganya¹²⁰”.

Termasuk juga barang najis itu ialah barang *mutanajjis* iaitu barang yang pada asalnya suci tetapi telah terkena najis dan terlalu mustahil untuk dibersihkan seperti susu yang bercampur dengan arak dan seumpamanya. Berlainan pula jika barang *mutanajjis* itu boleh dibersihkan semula kemudiannya seperti kulit bangkai yang telah disamak tetapi belum dibasuh atau dibilas dengan air mutlak adalah sah diniagakan¹²¹.

Syarat ini tidaklah diterima secara mutlak oleh kesemua *fugahā'*. Abū Ḥanifah misalnya berpendapat bahawa barang yang mempunyai nilai faedah menurut syarak adalah sah diniagakan walaupun ia adalah najis seperti baja tahi dan sebagainya dengan syarat ia bukan suatu makanan atau minuman. Namun demikian beliau tidaklah pula sampai menghalalkan jual-beli babi dan arak yang

¹¹⁸ Al-Kāfi, *op. cit.*, jil. 1, m.s. 158-161

¹¹⁹ Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1994, cet. kesebelas, al-Qāhirah: Dār al-Faṭḥ li l-Fā'il al-‘Arabi, jil. 1, m.s. 21

¹²⁰ Abū Dāwud, *Sunan*, jil. 2, m.s. 137

¹²¹ Muṣṭafā al-Bughā, *op. cit.*, juz. 6, m.s. 16-17

juga didakwa mempunyai sedikit faedah justeru faedah pada arak dan babi itu tidak diiktiraf oleh Islam¹²².

1.7.6 Barang Jualan Mestilah Diketahui Keadaannya

Barang yang hendak dibeli itu mestilah ditentukan terlebih dahulu dan dapat diketahui sifat atau kadarnya oleh pembeli. Jika pembeli berkata, “saya beli salah satu daripada kambing-kambing ini dengan harga ini”, maka cara ini dikira tidak sah kerana setiap kambing itu mempunyai saiz dan kadar daging yang berbeza-beza¹²³. Sesuatu urusniaga itu juga dikira tidak sah jika seorang penjual itu menjual sesuatu yang berada di dalam guni atau kotak tetapi pembeli tidak diberikan peluang untuk melihatnya. Urusniaga tersebut hanya berlaku menurut janji mulut penjual dan menuntut kepercayaan terhadap penjual semata-mata tanpa adanya pembuktian yang meyakinkan pembeli.

Berbeza jika seseorang itu membeli barang yang sama sifat dan keadaannya, seperti membeli sekilogram gula dari satu guni besar gula. Walaupun tidak ditentukan gula yang mana, ia dikira sah kerana ia mengandungi maksud yang sama. Dalam hal ini orang buta juga dianggap sah beliannya jika dia dapat mengetahui keadaan barang tersebut sama ada melalui sentuhan tangannya atau sebagainya¹²⁴.

¹²² Al-Kāṣāñī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 142; al-Sayyid Sābiq, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 54

¹²³ *Ibid.*, m.s. 18-19

¹²⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 397

1.8 Perkara-perkara Yang Boleh Merosakkan Akad Jual-Beli

Secara umumnya sesuatu jual-beli dianggap sah di sisi syarak apabila ia memenuhi kesemua rukun dan syaratnya seperti yang telah dijelaskan dalam tajuk di atas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang boleh merosakkan akad tersebut dan penulis akan membincangkannya secara khusus di bawah tajuk ini. Penulis membahagikannya kepada enam perkara iaitu apabila terdapatnya unsur riba, *gharar*, menjual sesuatu jenis barang yang diharamkan oleh syarak, urusniga yang menolong perkara maksiat, melakukan aktiviti penyorokan barang (*al-ihtikār*) dan jual-beli yang mengandungi unsur penipuan. Penulis akan menghuraikannya secara yang lebih terperinci seperti berikut :-

1.8.1 Riba

Jual-beli yang mengandungi unsur riba adalah tidak sah walaupun cukup rukun dan syarat akadnya. Riba mengikut asal maknanya ialah pertambahan, sebagaimana ungkapan yang digunakan oleh Ibn Manzūr¹²⁵ :

رِبَا الشَّيْءٍ يُرَبِّي رِبَا وَ رِبَاءً زَادَ وَ نَمَاءً

Maksudnya : "Telah "riba"lah sesuatu itu, sedang me"riba" ia, dalam keadaan "riba" iaitu apabila ia bertambah dan subur."

Begitu juga makna riba seperti yang terdapat dalam firman Allah swt. :

فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَرَّتْ وَرَبَّتْ

¹²⁵ Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 14, m.s. 17; al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi, m.s. 502

Maksudnya : "Maka apabila Kami turunkan air (hujan) ke atasnya (tanah) lalu (tumbuhan-tumbuhannya) bergerak dan bertambah (tinggi)".

Surah al-Hajj (22): 5

Para ulama' telah memberikan pengertian riba menurut istilah fiqh kepada beberapa bentuk pengertian yang tersendiri. Ibn 'Ābidīn, ulama' daripada mazhab Hanafi telah mengatakan bahawa riba ialah :

"Suatu lebihan yang tertentu yang tidak mempunyai apa-apanya imbalan pertukaran"¹²⁶.

Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbīni pula mengatakan bahawa riba ialah :

"Suatu akad pertukaran barang yang tertentu tetapi tidak sama imbangannya menurut syarak ketika akad dilakukan dan juga akibat bertangguh kedua-dua barang pertukaran atau bertangguh salah satu daripadanya"¹²⁷.

Manakala Ibn Qudāmah pula mengemukakan satu takrif yang amat ringkas bagi maksud riba iaitu "pertambahan dalam sesuatu yang tertentu"¹²⁸.

Riba boleh berlaku dalam pinjaman dan jual-beli iaitu dalam pertukaran sesuatu barang dengan barang yang lain. Riba dalam jual-beli akan berlaku apabila suatu barang ditukarkan dengan suatu barang yang sama jenis dengannya tetapi berbeza dari segi ukuran atau timbangannya. Justeru itulah para ulama' mensyaratkan persamaan ukuran timbangan atau sukatan jika barang-barang yang dipertukarkan itu sama jenis seperti emas dengan emas atau beras dengan beras. Di samping itu, ia mestilah diserahkan dalam majlis akad itu juga dan tidak boleh

¹²⁶ Ibn 'Ābidīn, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 169

¹²⁷ Al-Khaṭīb al-Sharbīni, *al-Iqna'*, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 15

¹²⁸ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 122

ditangguhkan. Contoh yang kerap berlaku pada hari ini ialah seperti pertukaran wang dengan wang seperti RM dengan RM dan sebagainya.

Bagi barang-barang yang berlainan jenis tetapi masih sama kategorinya seperti emas dengan perak atau beras dengan gandum, para ulama' telah mensyaratkan bahawa penyerahan mestilah dilakukan dalam majlis akad sahaja dan tidak pula mensyaratkan mestinya wujudnya persamaan ukuran kerana kedua-duanya adalah barang yang berlainan. Begitulah juga yang berlaku dalam pertukaran mata wang asing seperti Ringgit Malaysia dengan Dollar Singapura.

Manakala bagi barang-barang yang berlainan jenis dan kategorinya pula seperti emas dengan beras, para ulama' tidak mensyaratkan bahawa ia mestilah diserahkan dalam majlis akad itu atau kedua-duanya itu mestilah mempunyai ukuran sukatan atau timbangan yang sama. Begitulah juga seperti yang diamalkan dalam aktiviti perniagaan di mana wang ditukarkan dengan barang jualan.

Dalam aktiviti hutang pula, riba akan berlaku apabila wujudnya pertambahan nilai yang mesti dibayar oleh peminjam di atas nilai pinjamannya yang asal sama ada berlaku penangguhan dalam pembayaran atau tidak.

Secara umumnya terdapat tiga jenis riba iaitu *ribā al-fadl*, *ribā al-nasi'ah* dan *ribā al-yad*. *Ribā al-fadl* ialah pertambahan nilai barang yang berlaku dalam pertukaran barang yang hanya disebabkan semata-mata wujudnya pertukaran tersebut dan sekalipun tidak berlaku sebarang penangguhan penyerahannya. *Ribā al-nasi'ah* pula ialah pertambahan yang berlaku disebabkan

berlakunya penangguhan penyerahan barang pertukaran di mana pertambahan tersebut tidak akan berlaku jika penangguhan itu tidak dilakukan. Manakala *ribā al-yad* pula ialah pertambahan yang berlaku dalam suatu jual-beli yang bertangguh penyerahan barang-barang pertukarannya atau bertangguh salah satu barang pertukaran tersebut. Shaykh al-Mutawalli pula menambah sejenis lagi riba iaitu *ribā al-qard* atau riba dalam pinjaman yang disyaratkan padanya suatu manfaat¹²⁹.

Allah s.w.t. melarang keras sebarang aktiviti yang melibatkan riba. Ini kerana terdapat unsur penindasan padanya iaitu apabila seseorang itu mengambil kesempatan di atas kekurangan yang ada pada orang lain dengan mengenakan bayaran yang lebih daripada pertukaran tanpa apa-apa imbalan pertukaran yang sepatutnya. Sebelah pihak terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan suatu barang yang sama jenis dan kuantitinya dan begitu juga terpaksa membayar lebih jika ingin meminjam sejumlah wang. Dia tiada pilihan lain dalam urusniaga atau pinjaman tersebut sama ada dia susah atau senang.

Riba yang diharamkan Allah s.w.t. ini akan menghilangkan sifat tolong-menolong serta perasaan persaudaraan sesama Islam atau setidak-tidaknya perasaan kemanusiaan sesama insan malah menyuburkan perasaan mementingkan diri sendiri sahaja. Terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang menyentuh tentang larangan terhadap riba, seperti firman Allah s.w.t. :

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

¹²⁹ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Muğhnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 30

Maksudnya : “Dan Allah telah menghalalkan jual-beli dan telah mengharamkan riba”.

Surah al-Baqarah (2): 275

Begitu juga di dalam ayat yang lain, Allah s.w.t. telah berfirman :

بِالْيَهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذُرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki-baki riba (yang belum lagi diambil) jika kamu orang-orang yang beriman”.

Surah al-Baqarah (2): 278

Pengharaman riba bukanlah hanya tertumpu kepada dua orang yang terlibat secara langsung itu sahaja, bahkan Islam juga melarang semua pihak daripada terlibat sama dengan riba. Berhubung dengan masalah ini terdapat sebuah hadis yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. melarang kesemua aktiviti yang berkaitan dengannya atau yang membantunya, iaitu :

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ (ص) أَكْلُ الرِّبَا وَمُؤْكِلُهُ وَكَاتِبُهُ وَشَاهِدُهُ

Maksudnya : “Rasulullah s.a.w. telah melaknat orang yang memakan riba, orang yang memberi makan riba, orang yang menjadi pencatat kepada urusan riba dan orang yang menjadi saksi kepada urusan riba tersebut¹³⁰”.

¹³⁰ Hadis diriwayatkan oleh Muslim, lihat dalam *Şahîh Muslim Bi Sharh al-Nawâwi*, juz. 26, m.s. 11

1.8.2 *Gharar*

Unsur kedua yang boleh merosakkan akad jual-beli ialah apabila wujudnya *gharar* dalam akad tersebut. *Gharar* pada asalnya bermaksud tidak tahu (*jahl*), penipuan (*al-khidā'*) atau ketidakpastian (*khaṭr*)¹³¹. Namun pengertian *gharar* dalam konteks istilah jual-beli pula berbeza-beza menurut pengucapan para ulama' yang walaupun mempunyai maksud yang hampir sama.

Al-Kāsānī menyebut bahawa *gharar* itu ialah :

الْخَطَرُ الَّذِي أَسْتَرَى فِيهِ طَرْفُ الْوُجُودِ وَالْعَدْمِ

Maksudnya : "Suatu ketidakpastian yang berada di tengah-tengah antara wujud atau tidak"¹³².

Ibn 'Arfah cuba menjelaskannya lagi dengan memberi satu pengertian yang lain iaitu :

مَا شَكَ فِي حُصُولِ أَحَدٍ عَوْضِيَّةً أَوْ مَقْصُودٍ مِنْهُ غَالِبًا

Maksudnya : "Sesuatu (jual-beli) yang diragui dalam mendapatkan salah satu daripada barang pertukarannya atau yang kebiasaannya diragui dalam mencapai maksud urusniaganya"¹³³.

Jual-beli yang mengandungi unsur *gharar* dilarang oleh Islam kerana ia mempunyai banyak unsur tidak pasti dan kesempatan ini boleh digunakan oleh sebelah pihak yang hanya mementingkan diri sendiri untuk menindas pihak yang lain. Sama ada jual-beli *gharar* itu adalah cubaan penjual untuk memperdaya

¹³¹ Ibn Manzūr , *op. cit.*, jil. 5, m.s. 14-15; Muḥammad ibn Abū Bakr al-Rāzī , *op. cit.*, m.s. 496

¹³² Al-Kāsānī , *op. cit.*, jil. 6, m.s. 3053

¹³³ Al-Haṭṭāb, Muḥammad ibn Muḥammad, *Kitāb Mawāhib al-Jalil Li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, cet. ketiga, 1992, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil.4, m.s. 362

pembeli ataupun penjual yang terbabit itu sendiri tidak dapat memastikan barang jualannya itu akan dapat dimiliki oleh pembeli tetapi apa yang penting penjual berkenaan telahpun mendapat habuannya secara pasti. Jika bernasib baik pembeli akan mendapat barang beliannya namun jika tidak dia terpaksa menanggung kerugian pula. Dengan lain perkataan, kewujudan *gharar* itu amat berpotensi sebagai jalan kepada perbalahan dan persengketaan di antara penjual dengan pembeli. Lantaran itu Abū Hurayrah r.a. pernah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. melarang jual-beli secara *al-ḥaṣāḥ* dan *gharar*¹³⁴.

Meskipun begitu, tidak semua urusniaga yang mengandungi *gharar* dilarang oleh Islam, hanya *gharar* yang keterlaluan (*fāḥīḥ*) sahaja yang dilarang dan dikira boleh merosakkan akad jual-beli. Para ulama' telah membahagikan *gharar* mengikut kapasitinya kepada tiga bahagian iaitu *gharar* yang keterlaluan, sederhana dan sedikit. Dalam hal ini, para ulama' telah bersepakat mengatakan bahawa *gharar* yang keterlaluan adalah dilarang seperti menjual anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya. Mereka juga bersepakat mengatakan bahawa *gharar* yang sedikit pula adalah dimaafkan malah diharuskan berurusniaga dengannya seperti membeli buah-buahan yang telah masak di pokok tetapi belum dipungut lagi¹³⁵.

Masalah penentuan hukum *gharar* berlaku apabila sesuatu urusniaga itu mengandungi unsur *gharar* yang sederhana banyak seperti menjual ikan di dalam kolam yang sederhana besar dan sebagainya di mana sesetengah ulama'

¹³⁴ Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan*, jil. 3, m.s. 254; al-Tirmidhī, *Sunan*, jil. 3, m.s. 14

¹³⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād*, jil. 4, m.s. 267; al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 280 ; al-Qarāfī, *al-Furūq*, jil. 3, m.s. 365

menganggapnya termasuk dalam hukum *gharar* yang sedikit manakala sesetengah ulama' yang lain pula memasukkannya dalam kategori *gharar* yang banyak.

Para ulama' telah melakukan ijtihad yang bersungguh-sungguh dalam menentukan kedudukan urusniaga-urusniaga yang telah berlaku sejak zaman dahulu. Hasilnya, pelbagai jenis urusniaga telah dikenalpasti mengandungi unsur-unsur *gharar* yang keterlaluan sehingga merosakkan akad dan sebahagian yang lain dimaafkan. Secara umumnya, pentaklilan hukum urusniaga *gharar* ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu¹³⁶ :-

i) Ketidakpastian dalam penyerahan barang jualan seperti menjual hamba yang telah lari atau menjual burung yang masih bebas terbang di udara.

ii) Barang jualan yang tidak ada ketika akad (*ma'dūm*) seperti menjual anak lembu yang masih dalam kandungan, menjual buah yang baru berputik atau buah yang belum masak adalah dikira *gharar*. Sungguhpun begitu, hukumnya berubah menjadi harus jika sebahagian buah pada pokok tersebut telah masak.

Begitu juga diharuskan bagi barang yang dibeli melalui kaedah tempahan dengan memenuhi syarat-syaratnya dan ia lebih dikenali sebagai *bay' al-salam* dan *bay' al-istiṣnā'*. Walaupun pada asasnya ia juga adalah jual-beli sesuatu yang tidak wujud tetapi diharuskan

¹³⁶ Al-Nawawi, *Sharh Muslim*, jil. 4, m.s. 121; al-Šan'āni, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 807; al-Qarāfi, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 265; Muhammad Ṣalāḥ al-Ṣāwi, *op. cit.*, m.s. 378 – namun beliau menamakan tiga unsur ini sebagai jenis-jenis *gharar* dan bukannya illah-illahnya. Walau bagaimanapun setelah diteliti, penulis mendapati bahawa ia boleh saling diterimakan bagi kedua-dua pembahagian tersebut.

dengan beberapa syarat memandangkan keperluan orang ramai padanya.

iii) Ketidaktahuan pada barang jualan (*majhūl*) sama ada tidak tahu sepenuhnya atau tidak tahu pada sebahagian sifatnya. Jualan sebegini kadang-kala boleh berlaku seperti penjual berkata, “aku jual pada kamu semua benda yang ada dalam karung ini”.

1.8.3 Menjual Barang Yang Dilarang Penggunaannya

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam sub-topik yang lalu bahawa tidak semua barang boleh diperniagakan oleh orang-orang Islam. Orang-orang Islam dilarang memakan, mengguna atau berurusniaga dengan beberapa jenis barang seperti arak, bangkai, babi, perniagaan judi dan sebagainya.

Islam melarang barang-barang tersebut diniagakan dengan tujuan untuk menyucikan harta benda dan amalan orang-orang Islam daripada bercampur-baur dengan perkara yang ditegah oleh Allah s.w.t. dan supaya mereka tidak membantu dan memberikan sumbangan dalam melakukan kemungkaran kepada Allah s.w.t.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda :

إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah dan RasulNya telah mengharamkan jual-beli arak, bangkai, babi dan berhala”¹³⁷.

¹³⁷ Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī*, jil. 3, m.s. 43

Terdapat beberapa kaedah fiqh yang boleh dijadikan rujukan dalam menentukan senarai barang-barang yang tidak boleh diperniagakan seperti kaedah “apa-apa yang diharamkan mengambilnya, diharamkan juga memberikannya (kepada orang lain)” dan kaedah “apa-apa yang diharamkan menggunakan diharamkan juga mengambilnya”¹³⁸.

1.8.4 Urusniaga Yang Membantu Kemungkaran

Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran :

وَلَا تَعَاوِنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ

Maksudnya : “Dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam perkara yang membawa kepada dosa dan perrusuhan”.

Surah al-Mā’idah (5): 2

Tegahan yang terdapat di dalam ayat di atas mengandungi maksud haram (*al-taḥrīm*) di mana semua bentuk usaha yang membantu perkara maksiat dan kemungkaran adalah tidak dibenarkan oleh Islam¹³⁹. Jual-beli atau pertukaran barang adalah termasuk dalam bentuk saling tolong-menolong dalam mendapatkan manfaat barang yang dihajati. Ini menunjukkan bahawa apa-apa sahaja barang yang boleh membantu kemungkaran tidak boleh diniagakan

¹³⁸ Al-Suyūṭī, *al-Ashbāh*, m.s. 193

¹³⁹ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, al-Qāhirah : al-Maktabah al-Qayyimah, t.t., jil. 2, m.s. 7; al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, al-Mansūrah : Maktabah al-Imān, cet. pertama, 1992, jil. 5, m.s. 554-555; al-Qurtubī, *al-Jāmī’ Li Ahkām al-Qur’ān*, juz. 6, m.s. 18; Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, Dimashq : Dār al-Fikr, cet. pertama, 1991, juz 6, m.s. 74

seperti menjual anggur kepada orang yang hendak membuat arak dan menjual senjata kepada penjahat¹⁴⁰.

Semua pihak yang terlibat dalam membantu perkara kemungkaran adalah dilaknat oleh Allah s.w.t. dan RasulNya s.a.w. seperti yang telah disebutkan dalam sebuah hadis :

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ (ص) فِي الْخَمْرِ عَشَرَةً: عَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَ
شَارِبَهَا وَحَالِمَهَا وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ وَسَاقِهَا وَبَاعِهَا وَأَكْلَ شَنِيهَا وَ
الْمُشْتَرَى لَهَا وَالْمُشْتَرَأةُ لَهَا

Maksudnya : "Rasulullah telah melaknat sepuluh perkara pada arak : pembuatnya, orang yang meminta dibuatkan untuknya, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta dibawakan kepadanya, pemberi minumnya, penjualnya, pemakan bayaran harganya, pembelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya"¹⁴¹".

Jumhur ulama' mengatakan bahawa sebarang urusniaga yang membantu kemungkaran adalah dilarang oleh Islam kerana nas-nas yang diterima amat jelas menyatakan larangannya. Orang yang membantu kemungkaran itu sendiri boleh dianggap meredai aktiviti kemungkaran tersebut malah dia seolah-olah bersubahat untuk melakukannya¹⁴².

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian ulama' yang mengatakan bahawa hukum menjual barang tersebut adalah makruh sahaja dan tidaklah sampai kepada haram seperti menjual anggur kepada pembuat arak. Al-Kāsāñi menyebut bahawa jual-beli itu sendiri pada asasnya adalah diharuskan dan ia

¹⁴⁰ Muhammad Ṣalāh al-Ṣāwī, *op. cit.*, m.s. 401

¹⁴¹ Hadis diriyatkan oleh al-Tirmidhi daripada Anas bin Mālik r.a., *Sunan*, jil. 3, m.s. 47

¹⁴² Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 4, m.s. 40-41; al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 391; al-Rāmī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 471; Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 653-654

hanya akan menjadi makruh apabila dihubungkan dengan sesuatu yang tidak diharuskan seperti jual-beli yang menolong perkara mungkar. Dengan erti kata lain, perkara yang dilarang itu adalah unsur luaran atau perkara yang mendatang dan bukannya pada asas jual-beli itu sendiri. Oleh itu, ia hanya menduduki tahap makruh dan bukannya haram¹⁴³.

Manakala ulama' mazhab Shāfi'i pula seperti Imam al-Nawawi¹⁴⁴ mengatakan bahawa makruh menjual anggur kepada orang yang kerjanya memerah anggur untuk dibuat arak kerana tidak dapat dipastikan sama ada anggur yang dijual itu terjamin daripada dibuat arak atau tidak. Shaykh al-Ramli¹⁴⁵ juga menjelaskan bahawa adalah dihukumkan makruh jika anggur yang dijual kepada pembuat arak itu tidak dapat dipastikan sama ada ia akan dibuat arak atau tidak. Oleh yang demikian, sudah tentu hukumnya akan berubah kepada haram jika dapat diketahui dan dipastikan bahawa penjualan barang tersebut sememangnya untuk dibuat arak atau untuk membantu perkara mungkar.

Berdasarkan pendapat-pendapat ulama' tersebut, penulis sependapat dengan Dr. Muḥammad Ṣalāh dalam membuat kesimpulan bahawa penjualan sesuatu barang yang dikenalpasti untuk tujuan mungkar adalah dilarang keras oleh Islam kerana ia dikira sebagai suatu pertolongan dalam membuat kemungkaran. Manakala bagi urusniaga yang tidak mencapai tahap yakin atau sangkaan yang berat (*al-zann al-ghālib*) bahawa ia digunakan untuk tujuan mungkar di mana masih terdapat keraguan atau syak pada penggunaannya, maka ia dihukumkan

¹⁴³ Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 7, m.s. 3221-3222

¹⁴⁴ Al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 390

¹⁴⁵ Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 471

makruh sahaja seperti yang disebut oleh Imam al-Nawawi, namun begitu menjauhi atau meninggalkannya adalah lebih baik¹⁴⁶.

1.8.5 *Ihtikār*

Pada asalnya *ihtikār* bermaksud *al-ḥabs* iaitu penahanan seperti kata *ihtikār al-ta‘ām* yang membawa maksud mengumpul dan menahan bahan makanan daripada dipasarkan sehingga harganya menjadi mahal¹⁴⁷.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī telah memberikan satu pengertian *ihtikār* menurut istilah fiqh iaitu menahan barang makanan dari dijual dan menunggu sehingga harganya menjadi mahal sedangkan ketika itu berlaku kekurangan barang tersebut di pasaran dan orang ramai pula amat berhajat kepadanya¹⁴⁸.

Aktiviti *ihtikār* ini amat dilarang oleh Islam. Nabi s.a.w. pernah bersabda bahawa, “seseorang itu tidak ber*ihtikār* melainkan dia adalah orang yang berdosa¹⁴⁹. Dan dalam hadis yang lain, sabda Nabi s.a.w. :

الْجَلِبُ مَرْزُوقٌ وَالْمُحْتَكِرُ مَلْعُونٌ

Maksudnya : “Peniaga yang berusaha akan dilimpahi rezeki sedangkan orang yang menyorok barang adalah dilaknat¹⁵⁰.

Aktiviti menahan atau menyorok barang ini akan memberi kesan negatif dalam pasaran di mana tingkat harga pengguna telah dimanipulasikan secara tidak

¹⁴⁶ Muhammad Ṣalāḥ Muḥammad al-Ṣāwī, *op. cit.*, m.s. 402-403

¹⁴⁷ Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 208

¹⁴⁸ Al-‘Asqalānī, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 348

¹⁴⁹ Hadis diriwayatkan oleh Muslim, lihat dalam al-Nawawi, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, juz. 11, m.s. 43; al-Tirmidhi, *Sunan*, jil. 3, m.s. 35; Abū Dāwud, *Sunan*, jil. 3, m.s. 271

¹⁵⁰ Hadis diriwayatkan oleh Ibn Mājah, *Sunan*, jil. 2, m.s. 728

sihat sehingga ia tidak lagi menunjukkan keseimbangan penawaran dan permintaan yang sebenar. Tindakan orang-orang yang hanya mementingkan diri sendiri ini sebenarnya merupakan suatu penindasan kepada orang ramai yang amat memerlukan barang tersebut sehingga mereka terpaksa mengeluarkan kos yang lebih mahal tidak kira sama ada mereka miskin atau kaya.

Walau bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan tindakan *ihtikār* ini tidaklah sampai ke tahap yang diharamkan oleh Islam. Larangan *ihtikār* hanyalah melibatkan barang tertentu dan beberapa syarat yang tertentu sahaja, iaitu :

- i. Penyorok itu mestilah memperolehi barang tersebut dengan cara membelinya daripada orang lain di tempat tersebut. Ini kerana menurut hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah di atas, istilah *al-jālib* itu sendiri tidak tepat jika disama ertikan dengan istilah *al-bā'ī*. *Al-jālib* memberi maksud seorang pengusaha atau peniaga yang membawa suatu barang dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain iaitu seperti pengimport barang luar¹⁵¹. Al-Awza'i pula mengatakan bahawa *al-jālib* bukanlah seorang penyorok berdasarkan hadis Ibn Mājah tersebut¹⁵². Ini kerana pada kebiasaan pengimport tidak memudaratkan orang ramai bahkan menolong dan memberi manfaat kepada mereka.
- ii. Pembelian barang dengan tujuan untuk disimpan itu mestilah menyesakkan orang ramai walaupun ketika harganya masih murah

¹⁵¹ Al-Zubaydi, *op. cit.*, jil. 1, m.s. 184; *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asā'ī*, m.s. 254

¹⁵² lihat dalam Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 4, m.s. 47

kerana ia memberi mudarat akibat daripada kekurangannya di pasaran¹⁵³. Jika pembelian tersebut tidak menyesakkan orang ramai maka ia tidaklah dianggap sebagai *ihtikār*. Mengenai andaian penyorok barang tentang akan berlakunya kenaikan harga pada masa akan datang, maka kenaikan itu masih belum dapat dipastikan bahkan kemungkinan pula harganya tidak akan naik akibat daripada pengimportan barang tersebut oleh orang lain.

- iii. Barang yang disorok itu mestilah terdiri daripada jenis makanan utama (ruji) negeri tersebut atau daripada jenis makanan yang mengenyangkan (الأقوات) seperti beras, gandum dan sebagainya. Ini adalah pandangan majoriti ulama¹⁵⁴. Namun sebahagian ulama' mazhab Ḥanafi¹⁵⁵, mazhab Mālikī¹⁵⁶ dan al-Shawkānī¹⁵⁷ pula menganggap bahawa *ihtikār* tidak terhad kepada makanan utama sahaja tetapi meliputi semua barang yang akan memudaratkan pengguna jika disorok. Keadaan sedemikian adalah dikira termasuk juga dalam erti kata *ihtikār* yang diharamkan itu¹⁵⁸.

Asas utama yang menjadi sebab larangan terhadap *ihtikār* ialah untuk menjaga maslahah orang ramai agar tidak ditindas oleh sesetengah pihak yang cuba mengeksplotasi keadaan. Kebanyakan

¹⁵³ Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 472; Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 4, m.s. 74; Imām Mālik, *al-Mudawwanah*, jil. 4, m.s. 91

¹⁵⁴ Al-Ramli, *op. cit.*; Ibn Qudāmah, *al-Kāfi*, jil. 2, m.s. 42; al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, juz. 11, m.s. 43; Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 4, m.s. 47

¹⁵⁵ Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 10, m.s. 58

¹⁵⁶ Imām Mālik, *op. cit.*

¹⁵⁷ Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 25

¹⁵⁸ Al-Šan‘ānī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 25

ulama' hanya menghadkan larangan *ihtikār* ini kepada barang yang utama sahaja dalam sesebuah negara kerana kenaikan harga atau kekurangan bekalan bagi barang yang bukan keperluan utama tidaklah mendatangkan mudarat sedangkan sesuatu hukum itu mestilah beredar seiringan bersama *illahnya*.

Tetapi golongan yang kedua pula mengatakan bahawa nas yang memperkatakan tentang *ihtikār* itu adalah umum dan tidak mengkhusus hanya kepada barang yang paling utama sahaja¹⁵⁹. Terdapat pelbagai lagi barang keperluan sama ada makanan bukan ruji atau tidak yang amat diperlukan oleh orang ramai dalam kehidupan seharian seperti minyak, pakaian dan sebagainya. Jika *ihtikār* dilakukan terhadap barang keperluan ini tentunya ia juga akan menyesakkan orang ramai malah hanya akan memberikan keuntungan yang berlipat ganda bagi peniaga yang melakukan *ihtikār* tersebut dan hal ini tentunya adalah sesuatu yang amat tidak adil.

Ahli ekonomi Islam¹⁶⁰ hari ini lebih cenderung untuk berpihak kepada golongan kedua kerana banyak lagi barang yang tidak kurang pentingnya berbanding dengan makanan asasi seperti minyak petrol, gas, minyak masak, pakaian, perumahan, gula, susu dan sebagainya. Bahkan pendapat ini lebih sesuai dengan nas larangan *ihtikār* jika dilihat kepada penta¹⁶¹ hukum yang bertujuan untuk menjaga

¹⁵⁹ Mājid Abū Rakhiyah (1998), *al-Iḥtikār* : Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah, artikel dalam *Buhūth Fiqhiyyah Fī Qadāyā Iqtisādiyyah Mu'āṣirah*, al-Urdun : Dār al-Naṣ'is, jil. 2, m.s. 467

¹⁶⁰ Mājid Abū Rakhiyah, *ibid.*, jil. 2, m.s. 475; Mustafa Hj. Daud, *op. cit.*, m.s. 62; ¹⁶¹ Abd 'Allāh 'Abd al-Muhsin al-Tariqī, *al-Iqtisād al-Islāmī : Usus wa Mabādī wa Ahdāf*, 1417H, cet. keempat, al-Riyād : Mu'assasah al-Jarishi liTawzī', m.s. 95

maslahah orang ramai. Terdapat beberapa kaedah fiqh yang boleh diambil kira untuk menunjukkan kepentingan sesuatu keperluan kepada orang ramai dan perlunya menghilangkan sesuatu kemudaratan dalam konteks ini. Di antaranya ialah :

- a) ‘Setiap kemudaratan itu hendaklah dihilangkan¹⁶¹ ’.
- b) ‘Sesuatu keperluan itu dikira menduduki tahap darurat sama ada secara umum atau khusus¹⁶² ’.

1.8.6 Penipuan

Sesuatu penipuan (*al-khidā*^c) yang dilakukan oleh penjual terhadap barang jualannya itu boleh merosakkan akad dan seterusnya membatakan jual-beli tersebut. Penipuan itu boleh berlaku dalam beberapa keadaan yang dipanggil *al-ghash*, *al-tadlis*, *al-najsh* dan sebagainya.

Rasulullah s.a.w. telah melarang keras aktiviti penipuan dalam jual-beli seperti yang tercatat dalam sebuah hadisnya iaitu :

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) مَرَّ عَلَى صَبَرَةٍ طَعَامٍ فَأَنْجَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَّا قَالَ : مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟ قَالَ : أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ : أَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ ، مَنْ غَشَ فَلَيَسْ مِنِّي .

¹⁶¹ Al-Suyūtī, *al-Ashbāh*, m.s. 112

¹⁶² *Ibid.*, m.s. 117

Maksudnya : Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melintasi selonggok makanan lalu baginda memasukkan tangannya ke dalamnya dan mendapati tangannya merasai sesuatu yang basah lantas baginda bersabda : "Apakah ini wahai pemilik makanan?". Kata pemilik makanan itu : "Ia terkena air hujan, ya Rasulullah", lalu baginda bersabda : "Mengapa engkau tidak meletakkannya di bahagian atas supaya dapat dilihat oleh orang, sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada golonganku"¹⁶³.

Al-ghash berlaku apabila seseorang penjual itu menyembunyikan suatu kecacatan atau sesuatu yang tidak diingini oleh pembeli dengan menzahirkan yang elok dan baik sahaja. Keadaan ini samalah seperti apabila seseorang peniaga mencampurkan barang jualan yang mahal harganya dengan sesuatu yang lebih murah daripadanya seperti *ghash al-laban* iaitu mencampurkan susu dengan air, *ghash al-dhabab* iaitu mencampurkan emas dengan tembaga dan sebagainya¹⁶⁴. Begitulah juga dengan konsep *al-tadlis* yang mempunyai persamaan dengannya iaitu menyembunyikan kecacatan barang daripada pengetahuan pembeli¹⁶⁵.

Contoh penipuan yang keterlaluan juga ialah seperti menjual daging yang tidak disembelih secara sah menurut syarak tetapi penjual mengatakan bahawa ia telah disembelih dengan betul mengikut syarak.

Selain itu, penipuan dalam proses tawar-menawar disebut sebagai *al-tanājush* iaitu apabila penjual telah berpakat dengan seseorang agar memainkan harga iaitu dengan berpura-pura membuat tawaran yang lebih mahal untuk membeli sesuatu barang supaya harganya menjadi lebih tinggi tetapi hakikatnya

¹⁶³ Hadis diriwayatkan oleh Muslim, lihat dalam *Sahīh Muslim Bi Sharḥ al-Nawawī*, jil. 2, m.s. 109

¹⁶⁴ *Al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsi*, m.s. 894

¹⁶⁵ Al-Imām Abū Bakr al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣīḥah*, m.s. 209; *al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsi*, m.s. 459

dia tidak mahu membelinya¹⁶⁶. Oleh itu, pembeli yang berhajat membelinya terpaksa membayar lebih banyak daripada yang sepatutnya berbanding jika harganya tidak dimainkan. Ibn Baṭṭāl telah menjelaskan bahawa telah menjadi ijmak para ulama' bahawa orang yang melakukan *tanājush* ini adalah berdosa kerana perbuatannya itu¹⁶⁷. Ibn ‘Umar r.a. telah meriwayatkan sebuah hadis yang mengatakan bahawa Nabi s.a.w. telah melarang aktiviti *al-najsh* ini¹⁶⁸.

Walau bagaimanapun, para ulama' tidak bersepakat dalam menentukan hukum jual-beli *tanājush* tersebut sama ada sah atau tidak. Ulama' Zāhiriyah mengatakan bahawa jual-beli tersebut adalah terbatal¹⁶⁹ dan begitulah juga satu riwayat daripada Imām Alḥmad¹⁷⁰. Mazhab Mālikī¹⁷¹ menganggap ia sama seperti jualan barang yang mempunyai kecacatan di mana pembeli itu mempunyai hak untuk *khiyār*. Tetapi pendapat ini tidak dipersetujui oleh majoriti ulama' dengan alasan bahawa yang dilarang itu ialah terhadap pelaku *al-najsh*¹⁷² dan bukannya kepada pengakad sebenar. Oleh itu mereka mengatakan bahawa jual-beli tersebut sah tetapi perlakuan *najsh* itu berdosa¹⁷³.

Timbul persoalan *khiyār* bagi pembeli apabila beliau mengetahui bahawa harga barang yang dibelinya itu telah dimanipulasikan, maka adakah dia mempunyai hak untuk melakukan *khiyār* atau tidak.

¹⁶⁶ Abū Bakr al-Rāzī, *op. cit.*, m.s. 603; al-Sanāni, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 813

¹⁶⁷ Al-‘Asqalānī, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 355; al-Ṣan‘ānī, *op. cit.*

¹⁶⁸ Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, juz 3, m.s.24; Muslim, lihat dalam *Saḥīḥ Muslim Bi Sharḥ al-Nawawī*, Kitāb al-Buyū', Bāb Taḥrīm Talaqqi al-Jalb, no. 1516, juz.10, m.s. 125

¹⁶⁹ Al-Ṣan‘ānī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 813-814

¹⁷⁰ Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 4, m.s. 79

¹⁷¹ Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 167

¹⁷² Iaitu orang yang memainkan harga dan orang-orang yang berkomplot dengannya.

¹⁷³ Al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 37; Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 167; Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 468; Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, jil. 4, m.s. 79

Dalam persoalan ini, para *fuqahā'* sekali lagi telah mempunyai pandangan yang berbeza. Ulama' mazhab Shāfi'i¹⁷⁴ mengatakan bahawa pembeli tidak mempunyai hak *khiyār* jika *al-nājish* bertindak sendirian tanpa apa-apa pakatan dengan penjual. Tetapi mereka berbeza pendapat pula jika *al-nājish* itu benar-benar telah berkomplot dengan penjual di mana sebahagian daripadanya mengatakan bahawa pembeli berkenaan mestilah diberikan hak *khiyār*, manakala sebahagian yang lain pula mengatakan bahawa pembeli tidak mempunyai hak untuk ber*khiyār* bahkan inilah pendapat yang paling sahij menurut mereka.

Berbeza dengan ulama' mazhab Ḥanbali¹⁷⁵ yang mengatakan bahawa *khiyār* mestilah diberikan kepada pembeli jika *tanājush* itu benar-benar melibatkan satu penipuan yang tidak boleh dimaafkan di mana menurut adatnya perkara sedemikian sepatutnya tidak berlaku. Begitu juga dengan ulama' mazhab Mālikī yang menegaskan bahawa pembeli mempunyai hak untuk ber*khiyār* sama seperti jika barang belian tersebut mempunyai kecacatan dan hak tersebut tidak boleh diengkari atau dihalang oleh sesiapa.

Dalam hal ini, penulis berpendapat bahawa jual-beli *al-najsh* ini pada asasnya sah jika melihat kepada syarat-syarat sah jual-beli yang telah dipenuhi dalam akad tersebut. Namun solah-olah terdapat satu kecacatan apabila pembeli berkenaan tidak pula diberikan hak untuk melakukan *khiyār* dan tentunya pembeli akan merasakan dirinya tertipu serta tidak meredai penipuan tersebut setelah mengetahui keadaan sebenarnya. Oleh itu, Dr. Muḥammad Ṣalāḥ menyatakan

¹⁷⁴ Al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, op. cit., juz. 10, m.s. 123

¹⁷⁵ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, op. cit., jil. 4, m.s. 79

bahawa satu hak *khiyār* perlu diberikan kepadanya jika penipuan atau kenaikan harga yang dialaminya itu amat keterlaluan¹⁷⁶.

1.9 Konsep *al-Qabd*

1.9.1 Pengertian *al-Qabd*

Al-qabd mempunyai maksud yang sama dengan *al-tasiim* iaitu penerimaan. Ia adalah satu konsep yang penting dalam proses jual-beli. Al-Kāsāni menggambarkan *al-qabd* sebagai *al-takhliyyah* iaitu apabila penjual mengangkat segala halangan yang menyekat di antara barang jualan tersebut dengan pembelinya dan dengan itu membolehkan pembeli berkenaan dapat menggunakan barang tersebut atau menaṣarrufkannya mengikut kehendaknya¹⁷⁷.

Secara ringkasnya, *al-qabd* ialah penerimaan barang jualan oleh pembeli daripada penjualnya. Oleh itu apabila dikatakan bahawa barang tersebut telah *dīqabd* maka ia bermaksud barang tersebut telah diterima oleh pembeli dan telah berada di dalam haknya. Sesuatu akad jual-beli yang telah sempurna tidak semestinya menunjukkan bahawa *qabd* telah berlaku misalnya jika barang tersebut masih di dalam proses penghantaran dan sebagainya.

¹⁷⁶ Muhammad Ṣalāḥ al-Ṣāwi, *op. cit.*, m.s. 415

¹⁷⁷ Al-Kāsāni, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 244

1.9.2 Jenis-jenis *al-Qabd*

Qabd pada asasnya ialah penerimaan barang belian. Meskipun begitu terdapat berbagai-bagai bentuk dan jenis barang yang diperniagakan. Justeru itu, bentuk *qabd* juga seharusnya berbeza-beza mengikut kepelbagaian bentuk dan jenis barang tersebut, iaitu :-

- i. Jenis barang yang tidak boleh bergerak atau tidak boleh dipindahkan seperti tanah dan rumah. Dalam hal ini, para ulama' bersepakat bahawa cara *al-qabd* pada barang sebegini mestilah melalui cara *al-takhliyyah*. Cara ini bermaksud penjual menyerahkan kuasa mengendalikannya kepada pembeli tersebut sama ada penjual memberikan kunci rumah yang dijual itu kepada pembeli atau dia mengambil kesemua barang-barang miliknya dari rumah tersebut sebagai menandakan ruang rumah itu telah dikosongkan untuk pembeli berkenaan¹⁷⁸. Ini kerana penerimaan atau penyerahan fizikal sebidang tanah atau sebuah rumah tidak mungkin dapat dilakukan. Apa yang boleh dilakukan ialah pemindahan hak miliknya sahaja dalam keadaan kedudukan barang jualan tidak berubah dari tempat asalnya.
- ii. Jenis barang yang boleh dipindahkan seperti pakaian, kereta dan sebagainya. Para ulama' berbeza pendapat dalam menentukan cara *qabd* barang sebegini. Sebahagian mereka seperti ulama'

¹⁷⁸ Muhammad Ṣalāḥ al-Ṣāwi, *op. cit.*, ms. 382

mazhab Ḥanafi¹⁷⁹, satu pendapat daripada ulama' mazhab Shāfi'i¹⁸⁰, satu pendapat daripada ulama' mazhab Ḥanbalī¹⁸¹, mazhab Shi'aḥ Zaydiyyah¹⁸² dan Zāhiriyah¹⁸³ mengatakan bahawa *qabd*nya itu adalah memadai dengan *al-takhliyyah*.

Walau bagaimanapun, sebahagian ulama' yang lain pula berpendapat bahawa *qabd* barang boleh alih itu memadai dengan cara menurut kebiasaan orang ramai sahaja. Manakala sebahagian yang lain pula mengatakan jika ia boleh dipegang dan dibawa maka *qabd*nya ialah dengan memegang dan membawanya. Jika ia boleh digerakkan seperti kenderaan maka *qabd*nya itu mestilah dengan mengerakkannya¹⁸⁴.

- iii. Jenis barang yang dijual-beli melalui cara sukatan atau timbangan berat seperti beras, gandum dan sebagainya. Ulama' mazhab Ḥanafi¹⁸⁵ berpendapat bahawa memadai *qabd*nya itu dengan *al-takhliyyah*. Berbeza dengan ulama' daripada mazhab Mālikī¹⁸⁶, Ḥanbalī¹⁸⁷ dan Zāhirī¹⁸⁸ yang berpendapat bahawa *qabd* pada barang tersebut ialah apabila ia telah sempurna disukat atau ditimbang tanpa disyaratkan berpindah tangan. Pendapat ini nampaknya agak ganjil kerana penyerahan dan penerimaan belum

¹⁷⁹ Al-Ķasāñī, *op. cit.*, jil. 7, m.s. 248

¹⁸⁰ Al-Nawawi, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 301

¹⁸¹ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 125

¹⁸² Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 369

¹⁸³ Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 592

¹⁸⁴ Ibn Qudānah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 111

¹⁸⁵ Al-Ķasāñī, *op. cit.*, jil. 7, m.s. 3249

¹⁸⁶ Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 145

¹⁸⁷ Ibn Qudānah, *al-Mughnī*, jil. 4, m.s. 125

¹⁸⁸ Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 593

lagi berlaku tetapi *qabd* telah diiktiraf berlaku dengan sukatan tersebut.

Manakala ulama' Shāfi'i pula mensyaratkan barang itu mestilah disukat atau ditimbang dahulu dan kemudiannya berpindah tangan kepada pembeli maka barulah sempurna *qabdnnya*.

Melihatkan keadaan *'urf* yang berbeza-beza mengikut sesuatu tempat, penulis bersetuju dengan pendapat Dr. Muhammad Ṣalāḥ yang lebih cenderung mengatakan bahawa *qabdnnya* itu ialah mengikut *'urf* kebiasaan orang ramai kerana pada asasnya tidak ada nas yang jelas menerangkan bentuk-bentuk *qabd* ini¹⁸⁹.

1.9.3 Perkara Tambahan Berkenaan *al-Qabd*

Terdapat beberapa perkara tambahan yang berkaitan dengan masalah *al-qabd* yang pada pendangan penulis adalah wajar dicatatkan di sini sebagai satu kefahaman iaitu:

- i. *Qabd* adalah menjadi hak penjual. Oleh itu, *qabd* tidak boleh diberikan kecuali mestilah dengan izin daripada penjual terbabit kerana dia adalah pemilik asal barang tersebut. Oleh itu sesuatu barang yang menjadi miliknya tidak akan terlepas kecuali mestilah dengan izinnya.

¹⁸⁹ Muhammad Ṣalāḥ al-Ṣawī, *op. cit.*, m.s. 385

- ii. Jika sesuatu akad itu telah sempurna tetapi barang jualan masih berada di tangan penjual maka dia dipertanggungjawabkan terhadapnya. Jika berlaku sebarang kerosakan pada barang tersebut, maka penjual berkenaan mestilah menanggung kerugian itu sama ada dengan mengantikannya atau memulangkan semula bayaran harganya.
- iii. Jenis barang yang boleh alih atau dipindahkan, ia tidak boleh diniagakan semula sebelum selesai proses *qabd*. Para *fuqahā'* bersepakat menetapkan hukum ini tanpa sebarang perselisihan kerana berpandukan kepada sebuah hadis Nabi saw yang bermaksud :

“Jangan kamu jual sesuatu yang tiada di sisimu¹⁹⁰”.

Walau bagaimanapun, masalah menjual semula barang yang belum *diqabd* ini akan diperincikan lagi oleh penulis dalam tajuk yang lebih khusus dalam bab kedua dan keempat sama ada ia melibatkan semua jenis barang atau tidak dan sama ada ia dilarang secara mutlak atau masih terdapat perbezaan pandangan ulama’ terhadap masalah ini.

¹⁹⁰ Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan*, jil. 3, m.s. 283; al-Tirmidhi, *Sunan*, jil. 3, m.s. 16

1.10 Konsep Pemilikan

1.10.1 Pengertian

Al-Qarāfi menyebut bahawa pemilikan itu ialah apabila sesuatu barang itu dikhususkan hanya untuk seseorang yang tertentu sahaja sekaligus menghalang sebarang tindakan orang lain terhadapnya. Dengan kata lain, pemilikan bererti membenarkan pemiliknya melakukan apa sahaja tindakan terhadapnya tanpa sebarang sekatan kecuali halangan undang-undang atau hukum syarak¹⁹¹.

Kebebasan melakukan tindakan terhadap barang tersebut hanyalah kepada pemiliknya yang sebenar sahaja sementara orang lain pula tidak mempunyai hak melakukan sesuatu kecuali dengan kebenaran pemiliknya. Namun terdapat juga beberapa kekecualian di mana orang lain dibenarkan melakukan sesuatu tindakan terhadap barang tersebut seperti apabila seseorang itu dilantik menjadi wakil kepada pemilik sebenar atau jika seseorang itu diberikan wasiat tertentu terhadap barang atau jika dia adalah wali bagi kanak-kanak yang menjadi pemilik barang berkenaan dan sebagainya. Kekecualian ini pula tidaklah mutlak bahkan hanya bersifat sementara sahaja¹⁹².

1.10.2 Punca-punca Pemilikan

Menurut Islam terdapat berbagai-bagai cara untuk membolehkan sesuatu barang itu menjadi milik yang khusus bagi seseorang, di antaranya ialah¹⁹³ :-

¹⁹¹ Al-Qarāfi, Ahmad ibn Idris, *al-Furūq*, 1344H, Miṣr: "Isā al-Bābī al-Halabi Wa Shurakāh, jil. 3, m.s. 208

¹⁹² Wahbah al-Zuhaylī, (1989), *op. cit.*, jil. 4 m.s. 57

¹⁹³ *Ibid.*, m.s. 68

- i. Pemilikan sesuatu barang yang pada asalnya tidak mempunyai pemilik yang khusus adalah harus dimiliki tanpa ada sebarang halangan di sisi syarak seperti mengambil air dari sungai, batu dari bukit, garam daripada air laut yang dikeringkan dan sebagainya. Setelah diambil, barang tersebut menjadi miliknya.
- ii. Pemilikan barang juga boleh diperolehi melalui akad-akad yang tertentu seperti melalui proses jual-beli, menerima suatu pemberian/sedekah, wasiat dan sebagainya.
- iii. Melalui penggantian atau pertukaran pemilik barang iaitu sama ada penggantian pemilik seperti yang berlaku dalam pembahagian harta pusaka. Ia boleh juga berlaku dalam kes penggantian barang yang dirosakkan iaitu apabila orang yang merosakkan barang tersebut bertindak memberi ganti rugi terhadap barang yang dirosakkannya itu.
- iv. Sesuatu barang itu boleh juga menjadi milik seseorang melalui pertambahan semulajadi iaitu seperti apabila binatang ternakannya membiak, bercambahnya tanaman, berbuahnya pokok buah-buahan dan sebagainya.

1.11 Hubungkait Sistem Jual-Beli Islam Dengan Urusniaga Saham

Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian dalam melihat hubungkait ini. Pertama, dari aspek saham sebagai barang jualan (*al-mā‘qūd ‘alayh*) yang dibenarkan untuk diniagakan iaitu melalui pemerhatian terhadap syarat-syarat yang sepatutnya ada pada sesuatu saham yang diniagakan itu. Sebagai contohnya, syarat bahawa ia mestilah menjadi suatu harta yang diiktiraf oleh syarak dan masalah ia dijual sebelum *qabd* serta pelbagai persoalan lain yang bersangkutan dengannya. Kedua, dari aspek orang yang melakukan akad (*al-‘āqid*) iaitu dalam soal keharusan membeli semua saham syarikat oleh sesiapa sahaja atau perlu ada beberapa garis panduan yang tertentu untuk menjadikannya selari menurut syarat-syarat pada *al-‘āqid*. Ketiga ialah dari aspek *sīghah* jual-beli saham yang dipraktikkan pada hari sama ada ia telah menepati cara sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak atau tidak.

Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan ringkas terhadap urusniaga saham tersebut di mana terdapat beberapa jenis saham yang boleh dipermiagakan dan tidak kurang juga yang tidak boleh diniagakan disebabkan oleh beberapa perkara tertentu.

Secara umumnya, saham syarikat yang menjalankan kegiatan perniagaan yang tidak bertentangan dengan Islam seperti yang digariskan dalam syarat-syarat barang perniagaan adalah harus dipermiagakan, harus ditukar milik malah harus diniagakan sama seperti barang perniagaan yang lain. Manakala saham syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan yang dilarang oleh syarak tidak harus

diniagakan kerana terbabit dengan perkara haram seperti saham syarikat Carlsberg yang menjual minuman keras atau saham syarikat nombor ekor contohnya Magnum ENE Corporation Bhd. yang menjalankan kegiatan perjudian.

Di samping itu, penulis juga mendapati sebahagian syarikat yang pada asasnya menjalankan perniagaan yang halal tetapi telah mencampurkan aktiviti perniagaannya itu dengan aktiviti yang diharamkan oleh Islam, contohnya sebuah syarikat pengangkutan awam tetapi telah mengambil kontrak untuk mengangkut arak dari satu tempat ke satu tempat yang tertentu atau telah melaburkan sebahagian asetnya ke dalam bank ribawi. Oleh itu kegiatan sebegini boleh dianggap sebagai membantu aktiviti maksiat dan terlibat dengan aktiviti riba. Saham bagi dua contoh syarikat di atas termasuk dalam kategori yang tidak harus dibeli kerana terdapatnya unsur-unsur yang tidak dibenarkan oleh Islam¹⁹⁴.

Namun bagi saham syarikat yang bercampur aktivitinya antara yang halal dengan yang haram, terdapat perincian hukum yang mesti dihalusi oleh ahli ekonomi Islam. Ini kerana jika peratus nilai yang haram itu terlalu sedikit¹⁹⁵ dan ia tidak dapat dielakkan oleh pihak syarikat, maka menurut sebahagian pengkaji, ia dimaafkan. Begitu juga jika unsur haram yang sedikit itu adalah terdiri daripada

¹⁹⁴ c Ali Ahmad al-Sâlîs, *al-Mu‘āmalât al-Mâliyah al-Mu‘âşirah Fi Mizân al-Fiqh al-Islâmi*, 1987, cet kedua, al-Qâhirah : Dâr al-‘Ijtîâm, m.s. 208

¹⁹⁵ Ahli ekonomi Islam pada hari ini berbeza pendapat dalam menentukan jumlah nilai sedikit ini. Majlis Penasihat Syariah di Dow Jones Islamic Index berpendapat bahawa ia mestilah tidak melebihi 9% daripada aset syarikat. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi pula tidak menjelaskan berapakah jumlah nilai peratus yang dikatakan sedikit tersebut ketika membincarakan masalah unsur haram yang sedikit tidak mempengaruhi unsur halal yang banyak dalam aset atau pelaburan ASB, (rujuk majalah *Tamadun*, keluaran bulan Mei, 1998, m.s.20) Berbeza dengan Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Kuala Lumpur yang tidak mendedahkan nilai peratus aras yang dikatakan sedikit itu. Walau bagaimanapun, mereka tidaklah bersetuju dengan pendapat Dato' Dr. Mahmood yang dianggap sedikit longgar – (temubual dengan Ustaz Hj Ahmad Suhaimi bin Yahya, seorang eksekutif di Islamic Capitol Market, Security Commision melalui e-mail pada 10 Julai 2000.)

elemen-elemen yang dikecualikan oleh Islam seperti peruntukan khas untuk hak-hak bukan muslim dalam negara seperti dalam kes penjualan arak secara terkawal yang dilakukan oleh sebuah gedung perniagaan dan sebagainya¹⁹⁶. Begitulah seterusnya apabila kita mengaitkan saham dengan sistem jual-beli Islam.

Selain itu juga, terdapat perbezaan di antara saham biasa (*ordinary stock*), saham keutamaan (*preferred stock*), waran (*warrant*), bon (*bond*), opsyen (*option*) dan sebagainya di mana tidak semua instrumen kewangan ini menepati garis panduan dalam *fiqh al-mu'amalah* dan harus diniagakan.

Jika ditinjau dari segi *al-aqid* pula, hanya orang yang berakal, siuman dan telah baligh sahaja dibenarkan terlibat dalam urusniaga saham. Tidak ada bezanya di antara orang bukan Islam dengan orang Islam dari aspek ini di mana semuanya mempunyai hak yang sama untuk bermiaga dengan sesiapa sahaja yang diingini. Dalam konteks BSKL, adalah agak sukar untuk menghalang sebahagian pelabur daripada melabur dalam syarikat-syarikat yang tertentu, terutama jika syarikat tersebut mempunyai potensi yang tinggi untuk menghasilkan keuntungan. Oleh itu untuk melaksanakan syarat-syarat seperti tidak boleh menjual kepada orang bukan Islam atau tidak boleh menjual kepada kafir *harbi* memerlukan satu mekanisma yang tertentu agar tujuan menjaga maslahah umat Islam itu dapat dipelihara.

Di antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah dalam aspek penawaran saham secara terbuka sama ada kepada orang Islam atau bukan Islam ini ialah bagi syarikat-syarikat yang tertentu, seperti syarikat penerbit mashaf al-Qur'an,

¹⁹⁶ Suruhanjaya Sekuriti, *Senarai Sekuriti Yang Diluluskan Oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 27 April 2001, m.s. 3

buku-buku hadis dan kitab-kitab agama yang mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Jika ingin dibuka pun jualan sahamnya kepada semua orang, penjualannya mestilah dalam kadar yang tidak melebihi 50% daripada ekuitinya. Ini bertujuan agar syarikat itu tidak terlepas ke tangan orang bukan Islam.

Begitu juga dengan saham syarikat pembuat bahan-bahan senjata atau seumpamanya. Ia juga memerlukan mekanismanya yang tersendiri sama ada perlu dihadkan penjualan sahamnya atau dikhususkan hanya kepada pembeli yang tertentu sahaja iaitu orang Islam atau *ahl dhimmah* sahaja. Kemungkinan boleh juga dihadkan jumlah saham yang hendak ditawarkan oleh syarikat terbabit kepada orang ramai dengan tidak melebihi 50% daripada ekuitinya. Bagi penulis, yang penting ialah tujuan sesuatu hukum asal itu diwujudkan dapat dipertahankan atau dijaga tetapi dalam keadaan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Cuma keadaan ini berbeza jika urusniaga saham tersebut dilakukan di luar proses dan prosedur BSKL, penjual dapat mengenal pasti pembelinya dengan agak memuaskan.

Berkenaan dengan *sighah* jual-beli pula, "urf peniaga atau adat kebiasaan yang diamalkan oleh orang ramai boleh dijadikan satu asas yang kuat sebagai ukuran berlakunya sesuatu jual-beli seperti mana yang dijelaskan oleh Dr. Muhammad Ṣalāḥ al-Ṣāwi sebelum ini.

Kesimpulannya, mestilah ada suatu garis panduan yang jelas berhubung perkara ini untuk menjadikan jual-beli saham selari dengan syarat-syarat yang telah ditentukan dalam sistem jual-beli Islam.

Kesimpulan

Setelah penulis meneliti sistem jual-beli menurut Islam ini, penulis mendapati bahawa sistem ini tersusun begitu rapi dan kemas, terperinci serta menyeluruh cakupannya.

Perbezaan pendapat yang banyak berlaku di kalangan para *fuqahā'* sebenarnya bukanlah menunjukkan kecelaruan dan tidak kemasnya sistem tersebut tetapi sebagai rahmat kepada umat Islam untuk mencari manakah jalan penyelesaian alternatif yang paling baik dan paling relevan untuk dipraktikkan mengikut kesesuaian semasa. Bahkan dalam masa yang sama, ia tidak pula terkeluar daripada lingkungan maksud nas-nas yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. dan RasulNya s.a.w.¹⁹⁷.

Kerapian sistem ini adalah bertujuan untuk menjamin maslahah orang ramai. Sistem muamalat Islam yang begitu kemas cuba untuk mengelak seberapa mungkin sebarang tipu-daya, eksloitasi, penindasan dan seumpamanya yang mungkin berlaku dalam aktiviti perniagaan.

¹⁹⁷ Yusuf al-Qaradawi (t.t.), *Adab al-Ikhtilaf*, al-Qāhirah : Dār al-Tawzī' Wa al-Nashr al-Islamiyyah, m.s. 18

Bahkan dalam perselisihan pendapat *fuqahā'* tersebut, pihak pemerintah mestilah sentiasa mencari jalan penyelesaian terbaik untuk diamalkan dalam negara kerana menurut kaedah fiqh :

تَصْرِفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعْيَةِ مُنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ

Maksudnya : "Tindakan pemerintah terhadap rakyat mestilah berpaksikan kepada maslahah¹⁹⁸".

Begitulah juga dalam urusniaga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang berlaku kini. Dalam usaha untuk mengamalkan Islam dengan lebih syumul, urusniaga yang berlaku di dalamnya mestilah berpaksikan kepada konsep sistem jual-beli yang dibenarkan oleh syarak sebagaimana yang telah disebutkan di dalam bab ini, iaitu dengan menepati rukun-rukun dan syarat-syarat jual-beli.

¹⁹⁸ Al-Suyū̄fi, *op. cit.*, m.s. 158